



Kompetensi Teras Kegemilangan



# Laporan Tahunan 2018

Universiti Teknikal Malaysia Melaka



# Laporan Tahunan 2018

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

# Kandungan

|     |  |   |     |
|-----|--|---|-----|
| 4   | <b>1.0 Maklumat Korporat</b>                                 | 2.0 Latar Belakang                                  | 14  |
| 6   | 1.1 Sejarah Penubuhan  | 2.1 Canselor  | 16  |
| 7   | 1.2 Visi, Misi, Kualiti Objektif                             | 2.2 Pro Canselor                                    | 18  |
| 7   | 1.3 Matlamat Pendidikan                                      | 2.3 Lembaga Pengarah Universiti                     | 20  |
| 8   | 1.4 Piagam Pelanggan   | 2.4 Pengurusan Universiti                           | 24  |
| 10  | 1.5 Pelan Strategik UTeM 2012-2020                           | 2.5 Senat Universiti                                | 26  |
|     | 1.6 Data Ringkas   | 2.6 Jawatankuasa Audit Dalam                        | 27  |
|     |  | 2.7 Struktur Organisasi                             | 27  |
| 28  | <b>3.0 Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti</b>     | 4.0 Pencapaian Berimpak UTeM 2017                   | 31  |
| 37  | <b>5.0 Petunjuk dan Laporan Prestasi Utama (KPI) Menteri</b> | 6.0 Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal      | 39  |
| 59  | <b>7.0 Merintis Teknologi Masa Hadapan</b>                   | 8.0 Memacu Potensi Industri dan Masyarakat          | 71  |
| 83  | <b>9.0 Pembangunan Fizikal &amp; Pengurusan Prasarana</b>    | 10.0 Gedung Ilmu dan Institusi Repositori           | 89  |
| 93  | <b>11.0 Pengurusan Infrastruktur dan Infostruktur ICT</b>    | 12.0 Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerkasaan Holistik | 101 |
| 107 | <b>13.0 Pengurusan Bakat</b>                                 | 14.0 Prestasi dan Laporan Kewangan                  | 117 |

**1.0**

## **MAKLUMAT KORPORAT**



- 1.1 Sejarah Penubuhan
- 1.2 Visi, Misi, Kualiti Objektif
- 1.3 Matlamat Pendidikan
- 1.4 Piagam Pelanggan
- 1.5 Pelan Strategik UTeM 2012-2020
- 1.6 Data Ringkas

# MAKLUMAT KORPORAT

## 1.1 Sejarah Penubuhan

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada awalnya dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) telah ditubuhkan pada 1 Disember 2000 di bawah Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

UTeM terletak di Negeri Melaka, Bandaraya Bersejarah yang mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai World Heritage Site. Penjenamaan semula UTeM telah dilaksanakan pada 1 Februari 2007, dan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) ditukar kepada **Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**.

UTeM merupakan sebuah universiti teknikal awam yang **pertama** ditubuhkan di Malaysia dan dikategorikan sebagai **Universiti Berfokus** yang memperkasakan bidang-bidang kejuruteraan, teknologi maklumat dan komunikasi, pengurusan teknologi dan teknologi kejuruteraan.

Asas penubuhan UTeM adalah berpandukan model ‘*fachhochscule*’ (FH) di Jerman dan sistem universiti politeknik di Hong Kong yang menekankan pendekatan ‘practical-oriented’. Pendekatan pembelajaran, pengambilan pelajar dan penglibatan industri menjadikan UTeM sebuah universiti teknikal yang unik berbanding IPTA lain.

UTeM bermula dengan tiga (3) buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Seramai 343 orang pelajar perintis mengikuti lima (5) program awal yang ditawarkan oleh fakulti-fakulti yang berkenaan.

Operasi UTeM bermula di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh sehingga tahun 2006 sebelum berpindah ke Kampus Industri, Ayer Keroh. Pada tahun 2008, Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal telah mula beroperasi secara berperingkat dan kini menempatkan empat (4) buah fakulti

Operasi UTeM bermula di kampus sementara di Taman Tasek Utama, Ayer Keroh sehingga tahun 2006 sebelum berpindah ke Kampus Industri, Ayer Keroh. Pada tahun 2008, Kampus Induk UTeM di Durian Tunggal telah mula beroperasi secara berperingkat dan kini menempatkan empat (4) buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)

Pada masa yang sama, dua buah kampus cawangan UTeM telah ditubuhkan iaitu Kampus Bandar yang terletak di Jalan Hang Tuah yang menempatkan sebuah fakulti iaitu Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) pada tahun 2007.

Manakala, Kampus Teknologi (dahulu dikenali Kampus Industri) di Ayer Keroh telah ditubuhkan pada tahun 2011 dan menempatkan dua buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK).

Penubuhan FTK pada tarikh 11 April 2011, telah mencatatkan sejarah tersendiri bagi UTeM sebagai universiti awam pertama yang menawarkan program-program teknologi kejuruteraan di Malaysia selaras dengan tagline UTeM iaitu “Sentiasa Merintis, Sentiasa Menerajui”.

Pada tahun 2014, UTeM mencipta sejarah sekali lagi apabila menjadi universiti teknikal pertama di negara ini yang menerima status autonomi sepenuhnya daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.



## 1.2 Visi, Misi dan Objektif



## **1.3 Matlamat Pendidikan**

- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berlandaskan kepada keperluan industri
- ii. Melahirkan graduan dengan pengetahuan relevan, kompetensi dalam kemahiran teknikal, kemahiran insaniah dan peka kepada tanggungjawab sosial
- iii. Menyemai di kalangan graduan kaedah saintifik, berfikiran kreatif dan inovatif dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan
- iv. Menggalakkan pembangunan penyelidikan dan aktiviti dengan kerjasama industri demi menjana kemakmuran negara
- v. Melengkapkan graduan dengan nilai-nilai kepimpinan, komunikasi dan pembelajaran berterusran
- vi. Melahirkan graduan berkemahiran teknousahawan dan pengurusan
- vii. Melahirkan graduan yang menghargai sastera dan budaya serta menyedari kepentingan budaya hidup sihat.

## **1.4 Piagam Pelanggan**

Kami Komited Untuk Memberikan Perkhidmatan Terbaik Kepada Pelanggan Berdasarkan Piagam:

- i. Calon yang berjaya akan mendapat keputusan permohonan melalui portal UTeM selepas pengumuman rasmi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia;
- ii. Keputusan permohonan cuti belajar dimaklumkan kepada calon selewat-lewatnya tujuh (7) hari bekerja selepas kelulusan diperolehi daripada Panel Cuti Belajar UTeM dan Bahagian Biasiswa Kementerian;
- iii. Keputusan pengesahan dalam jawatan staf dimaklumkan kepada staf tujuh (7) hari bekerja selepas Mesyuarat Panel
- iv. Pengesahan dan Peperiksaan Staf bersidang;  
Membayar semua tuntutan staf/pembekal selewat-lewatnya dalam tempoh 14 hari dari tarikh dokumen yang lengkap diterima.

- v. Tempoh bayaran biasiswa 12 hari dari tarikh terima tajaan/penganjur sehingga dibayar kepada pelajar;
- vi. Bahan-bahan rujukan sedia dipinjam oleh pengguna dalam tempoh empat (4) bulan selepas penerimaan;
- vii. Menyediakan perkhidmatan rangkaian dan sistem aplikasi dalaman yang efisyen, selamat dan boleh harap kepada semua pelanggan dengan melebihi 95% masa capaian;
- viii. Menyelesaikan 80% aduan kerosakan dan penambahbaikan dalam tempoh dua (2) minggu;
- ix. Menyediakan perkhidmatan yang mesra, cekap dan adil kepada pelajar;
- x. Tempoh proses pembayaran penyelidikan (tuntutan perjalanan, pembelian, dan sebagainya) selepas permohonan lengkap diterima adalah selama 14 hari;
- xi. Purata masa menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan kaunter di Pusat Pengajian Siswazah adalah kurang daripada 30 minit;
- xii. Mengedarkan surat pemakluman Latihan Industri kepada pihak industri selewat-lewatnya satu (1) bulan sebelum tarikh mula Latihan Industri tersebut;
- xiii. Peserta mendapat surat jemputan menghadiri kursus;
- xiv. Memaklumkan kepada fakulti keputusan akreditasi program yang diperolehi dalam tempoh dua (2) hari bekerja;
- xv. Menjalankan siasatan berkaitan kemalangan/kejadian berbahaya/penyakit pekerjaan dan aduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam tempoh tiga (3) hari selepas menerima notis; Memaklumkan kepada peserta tentang pengesahan penyertaan program yang disertai dalam tempoh 10 hari bekerja; dan Perpustakaan menyediakan perkhidmatan Repositori Institusi (ePrint) bagi bahan terbitan UTeM.

## 1.5 Nilai Teras

- i. Tekad untuk mencipta perubahan
- ii. Daya juang yang tinggi
- iii. Kesetiaan
- iv. Integriti
- v. Profesionalisme

## 1.6 Pelan Strategik UTeM 2012-2020

Pelan Strategik UTeM 2012 – 2020 merupakan usaha hasilan komprehensif melalui perundingan menyeluruh terhadap visi dan misi universiti serta perancangan masa hadapan. Halatuju universiti mengambilkira beberapa faktor seperti tren globalisasi masa kini, mobiliti, kolaborasi antarabangsa, evolusi dalam pengajaran dan pembelajaran, penggunaan teknologi yang optimum, amalan kerja terbaik, ciri keusahawanan dan perdampingan komuniti bagi mencorak masa hadapan yang gemilang.

UTeM komited dalam mengoptimumkan sumber sedia ada bagi melangsungkan perubahan dan penghasilan teknologi baru ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Perkembangan haluan strategik ini bermula dengan penjajaran set minda yang seterusnya diperkuuhkan melalui percambahan fikiran dan cetusan idea.

Haluan Strategik ini dipacu oleh enam (6) tema strategik utama yang menjadi asas kepada rangka kerja transformasi universiti. Tema-tema ini dipilih berdasarkan input yang diperolehi melalui siri bengkel dan dialog antara pasukan tema strategik yang menggunakan asas Strategi Lautan Biru dan *Futures Scenario Planning* yang dihasilkan oleh Profesor Sohail Inayatullah.

Enam (6) tema tersebut adalah:

- i. Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal
- ii. Merintis Teknologi Masa Hadapan
- iii. Membentuk Pemimpin Berciri Keusahawanan
- iv. Memacu Potensi Komuniti dan Industri
- v. Pengurusan Bakat
- vi. Kelestarian Kewangan

Pelan ini akan menjadi panduan dalam perancangan dan pelaksanaan sama ada di peringkat individu maupun Pusat Tanggungjawab serta menjadi rujukan dalam usaha mencapai visi, misi universiti bagi melonjakkan sektor pengajian tinggi ke puncak kecemerlangan serta mampu melahirkan modal insan berinovatif, kreatif dan terlatih demi pembangunan masa hadapan.



## 1.7 Data Ringkas

Nama Institusi Pengajian Tinggi (HEP):  
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)**

Tarikh Penubuhan:  
**1 Disember 2000**

No. Rujukan Akta Penubuhan:  
**Seksyen 20 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971  
[P.U. (A) 45/2007]**

Nama, Gelaran dan Jawatan Ketua Pegawai Eksekutif:  
**Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib  
Naib Canselor**

Alamat:  
**Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal  
Melaka Bandaraya Bersejarah  
Malaysia**

No.Telefon :  
**+606 270 1000**

No. Faks:  
**+606 270 1022**

Alamat emel :  
**vc\_utem@utem.edu.my**

Laman web:  
**<http://www.utem.edu.my>**

Nama dan Alamat Fakulti /Sekolah/Jabatan/Pusat (**Luar Kampus Induk**)

### **Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Kampus Teknologi  
Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka, Malaysia

**Pusat Kecemerlangan & Kesarjanaan Akademik**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal  
Melaka Bandaraya Bersejarah  
Malaysia

**Pusat Pembangunan Perusahaan dan  
Teknousahawanan (CREATE)**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Kampus Teknologi  
Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh, Melaka, Malaysia

**Fakulti Kejuruteraan Mekanikal**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Kampus Teknologi  
Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka, Malaysia

**Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan  
Elektronik**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Kampus Teknologi  
Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka, Malaysia

**Pusat Kelestarian Alam Sekitar**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Kampus Teknologi  
Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka, Malaysia

**Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Kampus Teknologi  
Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka, Malaysia

**Pusat Sumber dan Teknologi Pengajaran**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Kampus Teknologi  
Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka, Malaysia

**Pejabat Penasihat Undang – Undang**

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)  
Kampus Teknologi  
Hang Tuah Jaya  
75450 Ayer Keroh  
Melaka, Malaysia






# LATAR BELAKANG 2.0



# CANSELOR

Tuan Yang Terutama  
Tun Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil bin  
Yaakob

# PRO CANSELOR



YBhg. Tan Sri Datuk Dr.  
Hadenan bin Abdul Jalil



YBhg. Datuk Wira Ismail  
bin Saleh

# LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



PENGURUSI  
Academician Tan Sri  
Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali, FASc.



AHLI  
YBhg. Prof. Datuk  
Ts. Dr. Shahrin bin Sahib, FASc



AHLI  
YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz



AHLI  
YBhg. Datuk Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz



AHLI  
YBhg. Senator Datuk Zali bin Mat Yasin



AHLI  
YBhg. Datuk Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin



AHLI  
YBhg. Datuk Nik Airina binti Nik Jaffar



AHLI  
YBrs. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin



AHLI

YBrs Dr. Normas binti Awang



AHLI

YBrs. Encik Azrul bin Aziz



AHLI

YBrs. Encik  
Mohd Nazri bin Md. Shariff



AHLI SILIH GANTI

YBrs. Encik  
Jamalulail bin Abu Bakar



Pendaftar/Setiausaha

YBhg. Datuk Hasan bin Sirun

\*Tamat 30 April 2018



Pendaftar/Setiausaha

YBrs. Encik Masdzarif bin Mahat

\*Lantikan 1 Mei 2018 sehingga kini

# PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI



NAIB CANSELOR

Prof. Datuk  
Ts. Dr. Shahrin bin Sahib, FASC



TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)

Prof. Datuk  
Ts. Dr. Mohd Razali bin Muhamad



TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(PENYELIDIKAN & INOVASI)

Prof. Datuk  
Ir. Dr. Mohd Jailani bin Mohd Nor

\*Tamat 30 Jun 2018



TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(PENYELIDIKAN & INOVASI)

Prof. Dr. Zulkiflie bin Ibrahim

\*Lantikan 15 November 2018 sehingga kini



TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(HAL EHWAL PELAJAR)

Prof. Datuk  
Dr. Izaidin bin Abdul Majid

\*Tamat 14 April 2018



TIMBALAN NAIB CANSELOR  
(HAL EHWAL PELAJAR)

Prof. Madya  
Dr. Nurulfajar bin Abd Manap

\*Lantikan 1 Oktober 2018 sehingga kini



PENOLONG NAIB CANSELOR  
JARINGAN INDUSTRI DAN MASYARAKAT

Prof. Ts. Dr. Goh Ong Sing



PENOLONG NAIB CANSELOR  
PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN FASILITI

Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin



Pendaftar

YBhg. Datuk Hasan bin Sirun

\*Tamat 30 April 2018



KETUA PEGAWAI OPERASI

YBrs. Encik Masdzarif bin Mahat

\*Lantikan 1 Mei 2018 sehingga kini



Bendahari

Khairul bin Taib



KETUA PEGAWAI MAKLUMAT

Mohd Isa bin Mohd Dom



PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Datuk Azhar bin Mohamed

# PEGAWAI KANAN UNIVERSITI



DEKAN  
PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH  
Prof. Dr. Zulkiflie bin Ibrahim

\*Tamat 14 November 2018



DEKAN  
PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH  
Prof. Ts. Dr. Noreffendy bin Tamaldin

\*Lantikan 15 November 2018 sehingga kini



DEKAN, FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK  
DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER  
Prof. Madya  
Dr. Nurulfajar bin Abd Manap

\*Tamat 23 Oktober 2018



DEKAN, FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK  
DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER  
Prof. Madya  
Dr. Mohd Shakir bin Md Saat

\*Lantikan 1 November 2018 sehingga kini



DEKAN, FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK  
Prof. Madya  
Ir. Dr. Md Nazri bin Othman



DEKAN, FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL  
Dr. Ruztamreen bin Jenal



DEKAN  
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN  
Prof. Madya Dr. Mohd Rizal bin Salleh

\*Tamat 31 Januari 2018



DEKAN  
FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN  
Prof. Madya Dr. Zamberi Bin Jamaludin

\*Lantikan 1 Februari 2018 sehingga kini



DEKAN  
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT  
DAN KOMUNIKASI

Prof. Dr. Burairah bin Hussin

\*Tamat 15 Mei 2018



DEKAN  
FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT  
DAN KOMUNIKASI

Gs. Dr. Othman bin Mohd

\*Lantikan 16 Mei 2018 sehingga kini



DEKAN  
FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI  
DAN TEKNOUSAHAWAN

Prof. Madya  
Dr. Mohd Syaiful Rizal bin Abdul Hamid



DEKAN  
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

Prof. Madya  
Ts. Mohd Rahimi Bin Yusoff



DEKAN  
FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN  
MEKANIKAL DAN PEMBUATAN

Prof. Madya  
Ts. Dr. Umar Al-amani bin Haji Azlan



DEKAN  
PUSAT BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSAN

Dr. Zawiah binti Mat



DEKAN  
INSTITUT PENGURUSAN TEKNOLOGI  
DAN KEUSAHAWANAN

Prof. Madya Dr. Safiah Binti Sidek

## 2.5 Senat Universiti

**Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin bin Sahib, FASc**  
Naib Canselor

**Profesor Datuk Ts. Dr. Mohd Razali bin Muhamad**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

**Profesor Dr. Zulkifilie bin Ibrahim**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

**Profesor Madya Dr. Nurulfajar bin Abd Manap**  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

**Profesor Dr. Goh Ong Sing**  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

**Profesor Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin**  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti)

**Profesor Dr. Noreffendy Bin Tamaldin**  
Dekan, Pusat Pengajian Siswazah

**Profesor Madya Ir. Dr. Md Nazri bin Othman**  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektrik

**Profesor Madya Dr. Mohd Shakir Bin Md Saat**  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer

**Dr. Ruztamreen bin Jenal**  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

**Profesor Madya Dr. Zamberi Bin Jamaludin**  
Dekan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

**Gs. Dr. Othman Bin Mohd**  
Dekan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

**Profesor Madya Dr. Md. Nor Hayati bin Tahir**  
Dekan, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan

**Profesor Madya Dr. Safiah binti Sidek**  
Dekan, Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan

**Dr. Zawiyah binti Mat**  
Dekan, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

**Profesor Madya Ts. Mohd Rahimi bin Yusoff**  
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

**Profesor Madya Ts. Dr. Umar Al-Amani bin Haji Azlan**  
Dekan, Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Pembuatan

**Prof. Ts. Dr. Faaiyah binti Shahbodin**  
Pengarah, Pusat Kecemerlangan & Kesarjanaan Akademik

**Profesor Dato' Dr. Abu bin Abdullah**  
Pengerusi Majlis Profesor Universiti

**Prof. Dr. Marizan Bin Sulaiman**  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani**  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik

**Prof. Dr. Abdul Rani bin Othman**  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

**Prof. Dr. Zulkalnain bin Mohd Yussof**  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

**Prof. Ir. Dr. Kenneth a/l Sundaraj**  
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

**Prof. Ghazali bin Omar**  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

**Prof. Ir. Dr. Sivarao a/l Subramonian**  
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

**Prof. Dr. Azizah binti Shaaban**  
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

**Prof. Dr. Mohammad Ishak bin Desa**  
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

**Prof. Dr. Mohd Khanapi bin Abd Ghani**  
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

**Prof. Ts. Dr. Sazilah binti Salam**  
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

**Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad**  
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

**Prof. Dr. Hanipah binti Hussin**  
Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan

**Prof. Madya Dr. Muhammad Fahmi bin Miskon**  
Pengarah Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik

**Encik Masdzarif Bin Mahat**  
Ketua Pegawai Operasi

**Encik Khairul bin Taib**  
Bendahari

**Datuk Azhar bin Mohamed**  
Penasihat Undang-Undang

**Encik Mohd Isa bin Mohd Dom**  
Ketua Pegawai Maklumat

# JAWATANKUASA AUDIT 2018



PENGURUSI  
YB Datuk Wira  
Roslan Bin Ibrahim



PENGURUSI  
YBhg. Senator Datuk Zali bin Mat Yasin



AHLI  
YBhg. Datuk Nik Airina binti Nik Jaffar




AHLI  
YBrs Dr. Normas binti Awang



AHLI  
YBrs. Encik Azrul bin Aziz

## 2.7 Struktur Organisasi





# LAPORAN 3.0 PENGERUSI

## Lembaga Pengarah Universiti

Assalamualaikum dan Salam Hormat.

“

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan izinNya Laporan Tahunan 2018 dapat diterbitkan untuk rujukan semua pihak.

Tahun 2018 memperlihatkan usaha Universiti dalam meningkatkan prestasi menerusi penambahbaikan hala tuju Universiti yang lebih signifikan dan bersama *Malaysia Technical University Network* (MTUN) memartabat serta memperkasakan agenda transformasi bidang Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (*TVET*) sebagai pilihan utama pengajian kepada pelajar.

Pihak Universiti telah menerima pengiktirafan oleh *Engineering Accreditation Council Malaysia* (EAC) menerusi empat (4) program kejuruteraan bagi enam (6) tahun berturut-turut. Dalam bidang pengurusan kualiti, UTeM merupakan Universiti pertama dari kalangan Universiti Awam (UA) yang menerima anugerah Kualiti SIRIM 2018. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) juga turut mengiktiraf UTeM dengan penganugerahan *SAGA Compliance* sebagai pengiktirafan kepada pematuhan *Standard Accounting System for Government Agencies* (SAGA). Selain itu, Universiti turut menerima penganugerahan *UI GreenMetric World University Ranking* dengan kedudukan pada 148 daripada 719.

UTeM merupakan Universiti pertama di negara ini yang diterima sebagai ahli kepada *Computer Emergency Response Team bagi Organisation of Islamic Cooperation* (OIC-CERT). OIC-CERT merupakan sebuah pertubuhan di bawah OIC yang mengumpulkan

# Laporan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

UTeM merupakan Universiti pertama di negara ini yang diterima sebagai ahli kepada *Computer Emergency Response Team bagi Organisation of Islamic Cooperation (OIC-CERT)*. OIC-CERT merupakan sebuah pertubuhan di bawah OIC yang mengumpulkan kepakaran keselamatan siber secara kolaboratif di peringkat antarabangsa. Percapaian cemerlang siswa dengan pelbagai peringkat pencapaian dalam bidang sukan di *Kyorugi (Welter Weight Daejon MBC Cup Seochun International Open Taekwondo Championship, Korea 2018*, Sukan Universiti Asean, Myanmar 2018, *2nd Asian Petanque Championship Triple & Shooting for Women & Junior 2018*, Kuala Lumpur dan *Varsity Boat Race 2018*, Peringkat Asean, Bukit Merah Laketown Resort, Perak.

Bagi keperluan ruang operasi kerja dan suasana pembelajaran yang lebih kondusif dan selesa kepada staf dan pelajar, pihak Universiti telah memindahkan operasi Kampus Bandar ke Kampus Teknologi, Ayer Keroh, Melaka pada akhir tahun 2018 yang berjaya mengurangkan kos operasi di anggarkan sebanyak RM1.2juta setahun. Perpindahan ini melibatkan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT), Pusat Pembangunan Teknousahawanan (C-TED) dan Pusat Pembangunan Perusahaan dan Teknousahawanan (CREATE). Dalam usaha memperkasa dasar berkaitan sumber manusia, satu modul telah dibangunkan iaitu Laluan Kerjaya Akademik Pelbagai (LKAP) bagi pemilihan empat (4) laluan kerjaya di kalangan staf akademik.

Majlis Sanjungan Budi Lembaga Pengarah 2018 telah dianjurkan bertujuan menghargai mantan ahli-ahli Lembaga Pengarah terhadap jasa dan bakti yang telah disumbangkan sepanjang tempoh pelantikan mereka. Dalam masa yang sama Universiti merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan baharu ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti iaitu YBhg. Dato' Prof. Ts. Dr. Mohd Ismail bin Abd Aziz, YBrs. Dr. Normas binti Awang, YBhg. Datuk Seri Roslan bin Ibrahim, YBhg. Datuk Nik Airina binti Nik Jaffar, YBrs. Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin, YBhg. Datuk Dr. Hj. Zahazan bin Mohamed dan YBrs. Prof. Madya Dr. Zuraidah binti Abd Manaf (ahli silih ganti Kementerian Pendidikan Malaysia).

Saya mewakili Lembaga Pengarah Universiti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan amat berterima kasih kepada barisan Pengurusan Tertinggi Universiti serta seluruh warga kerja UTeM di atas segala komitmen dan kerjasama yang diberikan dalam membentuk komuniti kampus yang lebih progresif dan sejahtera. Saranan dan sokongan yang diberikan oleh semua pemegang taruh amat dihargai. Ucapan tahniah juga dipanjangkan kepada seluruh warga UTeM atas usaha, inisiatif, sumbangan idea, pencapaian dan kepakaran berterusan yang telah dipamerkan sepanjang tahun 2018.

Saya berharap agar UTeM terus memperkuuhkan kedudukan untuk mengerakkan segala sumber dalam usaha memimpin kelestarian dan memacu dunia ilmu selaras dengan arus modenisasi negara.

Saya berdoa agar kesepakatan dan semangat kebersamaan dalam UTeM terus dipegang erat dan disemat kukuh di sanubari semua warga, demi merealisasikan kelangsungan serta kejayaan visi dan misi Universiti. Semoga segala usaha dan ikhtiar kita mendapat keberkatan dan keredhaan daripada Allah S.W.T.

Sekian, wassalam.

**Academician Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc.  
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti**

4.0

PENCAPAIAN BERIMPAK  
**UTeM 2018**



# Pencapaian Berimpak UTeM 2018

## Penambahan Kursus Baharu

Dalam bidang akademik, UTeM terus komited dan telah berjaya menambah tujuh (7) lagi program baharu bagi peringkat Pasca Siswazah dan telah diluluskan bagi penawaran bagi sesi 2018/2019 yang mana program-program tersebut adalah Sarjana Kejuruteraan Elektrik, Sarjana Kejuruteraan Mekatronik, Sarjana Kejuruteraan Pembuatan (Bahan Termaju dan Pemprosesan), Sarjana Teknologi Sains Data dan Analitik, Sarjana Sistem Maklumat, Sarjana Teknoinovasi dan Doktor Pengurusan Teknologi.

## Dua (2) Fakulti Teknologi Kejuruteraan

Selari dengan perkembangan program Teknologi Kejuruteraan maka pada 1 Julai 2018 Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) UTeM telah distrukturkan semula menjadi dua (2) fakulti baharu iaitu Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP). Objektif penstrukturkan semula adalah bagi pentadbiran yang lebih efisyen dalam menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat di FTK yang mana kini terdapat sejumlah 14 program akademik yang ditawarkan.

## Lepasan DVM Boleh Mengikuti Pengajian Sarjana Muda di UTeM

UTeM merupakan MTUN pertama yang meluluskan syarat kemasukan ke Program Sarjana Muda di UTeM bagi lepasan Diploma Vokasional Malaysia (DVM) melalui Surat (KPT) Bil. 7/2018 bertarikh 21 November 2018. Antara syaratnya yang perlu dipenuhi ialah lulus menjalani Program Pengukuhan (Bridging) selama satu semester untuk kursus yang bersesuaian dengan bidang yang ditawarkan. Program pengukuhan akan dilaksanakan di empat (4) Fakulti di UTeM iaitu Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousawahawanana (FPTT), Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK), Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FTKEE) dan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FTKMP).

## Kampus Pintar (MYREN-X)

Kampus UTeM kini dilengkapi dengan rangkaian MYREN-X dan berstatus Kampus Pintar lantas telah mewujudkan ekosistem pendidikan dan penyelidikan dalam citra baharu yang menggunakan infrastruktur siber yang moden dan canggih serta merangkumi pelaksanaan inisiatif konsep kampus tanpa tunai.

## Anugerah SIRIM 2018

UTeM telah berjaya meraih Anugerah Kualiti SIRIM 2018 bagi kategori Agensi Kerajaan yang mana pengukurannya merangkumi keupayaan dan kecemerlangan UTeM dalam menerima pensijilan MS ISO 9001:2015 di bawah skop penyediaan perkhidmatan pendidikan dan aktiviti pengurusan penyelidikan serta pengurusan perkhidmatan sokongan.

## Sijil Pematuhan SAGA 2018

UTeM terus cemerlang sebagai universiti awam yang berprestij dalam urus tadbir kewangan tahap tinggi apabila telah berjaya menerima Sijil Pematuhan SAGA 2018 atau nama penuhnya *Standard Accounting System for Government Agencies* yang mana ianya merupakan pengiktirafan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

## Kampus Pintar

Pada tahun 2018, UTeM telah diiktiraf sebagai Kampus Pintar apabila telah melaksanakan dua (2) inisiatif utama berimpak tinggi iaitu yang pertama adalah Kampus Tanpa Tunai apabila terlaksananya Sistem Pembayaran Tanpa Tunai dengan Kad Unidebit yang mempunyai pelbagai fungsian sebagai Kad Bank, Kad Staf serta kegunaan di Perpustakaan Laman Hikmah. Manakala inisiatif kedua adalah UTeM Unified Communication (UC) iaitu komunikasi secara atas talian dengan menggunakan teknologi Voice Over Internet Protocol (VoIP) yang mengandungi elemen penting yang terdiri daripada video konferens, faks elektronik dan pentadbiran sistem sekaligus sistem ini ternyata efisyen dan menjimatkan dari segi wang dan masa.

Berteraskan kepada pengaplikasian sistem teknologi QR Code maka pada tahun 2018 UTeM telah melaksanakan Aplikasi Pintar MyUTeM sekaligus mempercepatkan capaian dan operasi yang merangkumi maklumat pelajar, kehadiran pelajar, maklumat hutang pelajar, keputusan peperiksaan, maklumat staf, kehadiran staf, kehadiran majlis rasmi dan aduan pengguna.

## Ahli OIC CERT Pertama Dalam Kalangan Universiti Awam

UTeM merupakan universiti awam pertama di negara ini yang telah diiktiraf sebagai ahli kepada *Computer Emergency Response Team bagi Organisation of Islamic Co-operation* atau lebih dikenali sebagai OIC-CERT yang merupakan pertubuhan di bawah OIC bagi fungsian mengumpul kepakaran keselamatan siber secara kolaboratif dalam menangani cabaran dunia siber bagi negara islam di peringkat antarabangsa.

## Fakulti Pertama di Malaysia Miliki Makmal Berteknologi *Internet of Things*

Tahun 2018 turut menyaksikan UTeM menerusi Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) menjadi fakulti pertama di kalangan universiti awam negara ini memiliki Makmal berteknologi *Internet of Things* (IOT) iaitu ST IOT yang selari dengan keperluan Revolusi Industri 4.0 menerusi hasil kerjasama dengan salah sebuah syarikat perindustrian ternama iaitu STMicroelectronics Sdn. Bhd.

## Kelulusan Akreditasi Enam (6) Tahun Berturut-turut

Empat program kejuruteraan UTeM telah berjaya mendapat kelulusan Engineering Accreditation Council (EAC) selama enam (6) tahun berturut-turut dan program berkenaan adalah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik Dengan Kepujian, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal Dengan Kepujian dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan Dengan Kepujian.

## Kaedah Mobile Voting Bagi Pilihanraya Kampus

Bagi meningkatkan peratusan mengundi bagi Pilihanraya Kampus sesi 2018/2019, maka UTeM telah melaksanakan penggunaan sistem *Mobile Voting* pada 4 Oktober 2018 dan hasilnya telah menunjukkan peningkatan peratusan mengundi daripada 70.39% tahun lalu kepada hampir 80% pada tahun ini. *Mobile Voting* ini memudahkan pelajar yang berada di luar kampus yang sedang menjalani Latihan Industri (LI) dan pelajar Pasca Siswazah menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi.

## Produk Inovasi dan Penyelidikan

Kumpulan penyelidik UTeM mempamerkan aksi cemerlang apabila 22 produk inovasi yang disertai berjaya membawa pulang 22 pingat yang terdiri daripada empat (4) pingat emas, 14 pingat perak dan empat (4) pingat gangsa di *29th International Invention & Innovation Exhibition 2018*.

## Pemerkasaan Harta Intelek

Tahun 2018 menzhirkan usaha dan kesungguhan pihak UTeM dalam aspek pemerkasaan Harta Intelek serta pengkomersilan apabila berjaya membuatkan hasil memberangsangkan dengan pencapaian sebanyak 25 Copyright, 4 Patent Filing, 6 Trademark dan 2 Patent Granted.

## Peningkatan Memberangsangkan Bagi Penghasilan Jurnal

Pertama kali dalam sejarah rekod pencapaian UTeM apabila berjaya menghasilkan jurnal berindeks Web of Science (WoS) dan SCOPUS sebanyak 775 jurnal sekaligus mencatatkan peningkatan sebanyak 21% pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 hanya 641 jurnal.

## Meraih Anugerah Buku Negara

Pensyarah UTeM iaitu Profesor Madya Ts Dr. Muhammad Zahir bin Hassan turut berjaya merangkul Anugerah Buku Negara 2018 bagi kategori Buku Umum Terbaik (Kategori Automotif) dengan tajuk buku berjudul *Fugitive Modelling of Braking Noise*.

## Konsortium Penyelidikan UTeM Bersama Tiga (3) Universiti Antarabangsa

Penyelidik UTeM telah menjayakan Konsortium Penyelidikan bersama dengan tiga (3) buah universiti antarabangsa iaitu *University of Manchester*, *University of New Castle* dan *Xiamen University* dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi komuniti luar bandar di negara ini berfokus di negeri Sarawak dari segi kajian pembangunan bekalan elektrik dan sosio ekonomi masyarakat. Penyelidikan berunsur tanggungjawab sosial korporat tersebut bermula pada tahun 2018 dan mengambil masa selama tiga (3) tahun yang mana bakal berakhir pada tahun 2021.

## Pensyarah UTeM ditauliahkan Sijil Educator 4.0 Pertama Dalam Negara

Seramai 25 orang pensyarah UTeM telah mencatat sejarah tersendiri pada tahun 2018 apabila berjaya ditauliahkan dengan Sijil Educator 4.0 pertama di negara ini. UTeM telah menjadi pilihan pertama melaksanakan program Training of Trainers (TOT) dalam usaha melahirkan konsep transformasi pengajaran lebih interaktif serta pelaksanaan teknik aplikasi Heutagogi.

Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) UTeM turut mempamerkan pencapaian yang memberangsangkan apabila telah mendapat pengiktirafan lima (5) bintang di peringkat Kebangsaan, penarafan emas di peringkat Wilayah dan peringkat Universiti Awam. Penarafan emas untuk semua empat (4) kumpulan KIK UTeM di peringkat Wilayah Selatan, penarafan dua (2) emas dan dua (2) perak di peringkat Universiti Awam manakala penarafan lima (5) bintang (1 Kumpulan), empat (4) bintang (1 Kumpulan) dan tiga (3) bintang (2 Kumpulan) di peringkat kebangsaan.

UTeM telah berjaya membangunkan Sistem i-Pro (Integrated Profiling Personality) pada tahun 2018 yang mana sistem ini digunakan sebagai kaedah penilaian personaliti bagi tujuan data psikologi dan ujian psikologi perjawatan. Sistem Ujian Psikometrik ini menggunakan kaedah atas talian menerusi mobile dan desktop.

## Siswa UTeM Menyerlah di Peringkat Nasional dan Antarabangsa

Barisan pelajar UTeM telah mencipta nama di peringkat kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2018 menerusi pelbagai acara sukan dengan merangkul emas dalam *Varsity Boat Race* dalam acara *Rowing* yang berlangsung dari 2 hingga 6 Oktober 2018. Sementara itu atlet taekwondo UTeM turut beraksi cemerlang di *Daejon MBC Cup Seochun International Open Taekwondo Championship* di Korea Selatan dengan membawa pulang dua (2) pingat gangsa menerusi acara *Kyorugi Welter Weight* dan *Fin Weight* di samping merangkul pingat perak menerusi acara di peringkat kebangsaan bagi *7th ITF Taekwondo World Cup 2018* di Sydney Australia. Sementara itu pelajar UTeM turut menyerlah dalam acara Petanque di *2nd Asian Petanque Championship Triple & Shooting for Women & Junior 2018* di Kuala Lumpur apabila beroleh pingat gangsa dalam acara triple.

UTeM turut berjaya merangkul tiga (3) anugerah utama iaitu Anugerah Pengarah Terbaik, Anugerah Skrip Terbaik dan Johan Keseluruhan (*Theatre Of Pattern*) MAKUM 2018 dalam Pertandingan Festival Teater Pengisahan Kemanusiaan Theater of Pattern MAKUM 2018 yang disertai oleh 16 buah universiti awam dari seluruh negara pada 23 dan 24 Februari 2018 bertempat di Universiti Sains Malaysia (USM).

## Sasana Niaga Semarak Persekitaran Keusahawanan Mahasiswa

Bagi menyemarakkan persekitaran serta budaya keusahawanan dan rantai perniagaan dalam kampus di kalangan pelajar maka UTeM telah membangunkan Sasana Niaga menerusi 12 lot perniagaan yang dikendalikan sendiri oleh golongan pelajar. Operasi Sasana Niaga UTeM bermula pada 27 Ogos 2018 dengan pelbagai aktiviti jualan diadakan sesuai dengan permintaan dalam kampus yang mendapat sambutan yang menggalakkan.

## UTeM Hargai Rangkaian Industri Multinasional dan Tempatan

UTeM terus memperkasakan hubungan strategik berimpak dengan rangkaian industri dalam negara dan global menerusi Majlis Apresiasi Industri 2018 dan Karnival kerjaya yang diadakan di Dewan Canselor Kampus Induk UTeM pada 19 September 2018 yang lalu. Sebanyak 60 syarikat turut serta dalam program ini dengan menyediakan 1,500 peluang pekerjaan.

## Pupuk Budaya Keusahawanan Dalam Komuniti

Bagi penggalakan pendidikan sepanjang hayat menerusi hubungan komuniti, UTeM merangka strategi tersendiri dengan pelaksanaan beberapa program antaranya seperti *My Kampung My Future* pada tahun 2018 di Masjid Tanah Melaka dengan kerjasama FAMA Melaka dengan pengisiannya seperti projek penanaman Cendawan Tiram Kelabu di samping kursus teknikal berkaitan di samping membangunkan dua (2) buah unit Rumah Cendawan.

## Smart IoT Round Table serta Melaka Smart City Challenges 2018

Kerjasama UTeM dengan pihak industri terus dipertingkatkan menerusi program *Smart IoT Round Table* serta *Melaka Smart City Challenges 2018*. *Smart IoT Round Table* merupakan perbincangan antara UTeM dan wakil-wakil Kerajaan Negeri Melaka serta pihak industri dan komuniti dalam menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri yang lebih pintar menerusi kaedah *Internet of Things*. Sementara *Melaka Smart City Challenges 2018* pula merupakan platform mempromosikan projek-projek inovatif dari kalangan pelajar untuk menangani masalah dunia sebenar terutamanya berkaitan permasalahan di Bandaraya Melaka. Menariknya dalam cabaran ini para peserta menggunakan pendekatan penyelesaian praktikal *Internet of Things* dan mengasah bakat para peserta dalam pembangunan produk, penyelidikan dan pengkomersilan.

## WD International Mobility Program dan Engineering Upskilling

Antara program kerjasama UTeM dengan pihak industri adalah *WD International Mobility Program* yang diadakan pada 26 hingga 28 Februari 2018 bertempat di Thailand dengan melibatkan 30 orang pelajar yang berpeluang mendalami persekitaran kerja dengan jurutera dari pelbagai negara. Sementara itu UTeM turut bekerjasama dengan Samsung SDIEM dengan melaksanakan program *Engineering Upskilling* yang mana UTeM berkongsi kepakaran dengan melatih 345 orang jurutera Samsung bagi penyelesaian permasalahan yang terdapat di kilang Samsung SDIEM Senawang. Tempoh latihan berkenaan adalah selama tiga (3) tahun bermula dari tahun 2018 hingga 2020.

Majlis *Hi Tea Alumni* dan Pelancaran Penasihat Alumni telah diadakan pada 1 Disember 2018 yang lalu dengan pengisian yang berimpak apabila seramai 50 orang ahli Alumni UTeM dengan sukarela menawarkan diri menjadi Penasihat kepada persatuan-persatuan mahasiswa di UTeM lalu mewujudkan transaksi perkongsian pengalaman serta kepakaran yang dimiliki oleh ahli Alumni bersama dengan para pelajar.

A photograph showing a person's hands interacting with a financial document. One hand points to a chart, while the other holds a pen over another chart. A laptop is visible in the background, suggesting a professional office environment.

**5.0**

**PETUNJUK DAN LAPORAN  
PRESTASI UTAMA (KPI)**

## 5.0 Petunjuk dan Laporan Prestasi Utama (KPI)

Petunjuk Prestasi Utama dan Pencapaian UTeM Bagi Tahun 2018

| BIL. | PETUNJUK PRESTASI UTAMA  | SASARAN | PENCAPAIAN |
|------|--|---------|------------|
| 1.   | Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, melanjutkan pengajian, meningkatkan kemahiran atau menunggu penempatan, pada tahun konvokesyen. | 80%     | 78.26%     |
| 2.   | Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti.  | 2.00    | 1.647      |
| 3.   | Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti.   | 7.055   | 10.860     |
| 4.   | Jumlah penjanaan pendapatan sendiri berbanding jumlah perbelanjaan mengurus yang telah ditetapkan.   | 15%     | 16.4%      |
| 5.   | Peratus kecinciran pelajar berdasarkan peringkat pengajian di universiti:  |         |            |
|      | (i) Sarjana Muda   | ≤5%     | 2.1%       |
|      | (ii) Sarjana   | ≤3%     | 4%         |
|      | (iii) PhD  | ≤2%     | 2%         |
| 6.   | Peratus pelajar yang berjaya menamatkan pengajian dalam masa yang ditetapkan (iGoT) di universiti:   |         |            |
|      | (i) Sarjana Muda   | 85%     | 88.9%      |
|      | (ii) Sarjana   | 70%     | 62%        |
|      | (iii) PhD  | 40%     | 35%        |
| 7.   | EPP 12: Menjuarai sebagai jenama pendidikan Malaysia di peringkat antarabangsa:  |         |            |
|      | (i) bilangan pelajar antarabangsa; dan   | 150     | 171        |
|      | (ii) bilangan pelajar antarabangsa pascasiswazah.  | 230     | 525        |



**6.0**

**MELONJAK KECEMERLANGAN  
PENDIDIKAN TEKNIKAL**

## 6.0 Melonjak Kecemerlangan Pendidikan Teknikal

### Laporan Pencapaian Akademik PrasiswaZah 2018

#### Program Akademik

Pada tahun 2018, UTeM telah menawarkan sebanyak lima (5) program di peringkat Diploma dan 29 program di peringkat Ijazah Sarjana Muda. Senarai program yang ditawarkan mengikut fakulti adalah seperti berikut:

**Jadual 1** Penawaran Program di UTeM

| FAKULTI   | KOD PROGRAM | NAMA PROGRAM   |
|---|-------------|--|
| FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (FKE)                               | BEKG        | IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRIK DENGAN KEPUJIAN                      |
|   | BEKM        | IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MEKATRONIK DENGAN KEPUJIAN                    |
|   | DEK         | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRIK  |
| FAKULTI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DAN KEJURUTERAAN KOMPUTER (FKEKK) | BENG        | IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DENGAN KEPUJIAN                    |
|   | BENR        | SARJANA MUDA KEJURUTERAAN KOMPUTER DENGAN KEPUJIAN                             |
|   | DEN         | DIPLOMA KEJURUTERAAN ELEKTRONIK  |
| FAKULTI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (FKM)                              | BMCG        | IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN MEKANIKAL DENGAN KEPUJIAN                     |
|   | DMC         | DIPLOMA KEJURUTERAAN MEKANIKAL   |
| FAKULTI KEJURUTERAAN PEMBUATAN (FKP)                              | BMFG        | IJAZAH SARJANA MUDA KEJURUTERAAN PEMBUATAN DENGAN KEPUJIAN                     |
|   | DMF         | DIPLOMA KEJURUTERAAN PEMBUATAN   |
| FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (FTMK)                  | BITC        | IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (RANGKAIAN KOMPUTER) DENGAN KEPUJIAN        |
|   | BITD        | IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PENGURUSAN PANGKALAN DATA) DENGAN KEPUJIAN |
|   | BITE        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (TEKNOLOGI PERMAINAN) DENGAN KEPUJIAN   |
|   | BITI        | IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEPINTARAN BUATAN) DENGAN KEPUJIAN         |
|   | BITM        | IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (MEDIA INTERAKTIF) DENGAN KEPUJIAN          |
|   | BITS        | IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (PEMBANGUNAN PERISIAN) DENGAN KEPUJIAN      |

| FAKULTI   | KOD PROGRAM | NAMA PROGRAM  |
|---|-------------|---|
|   | BITZ        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT ( KESELAMATAN KOMPUTER ) DENGAN KEPUJIAN                             |
|   | DIT         | DIPLOMA TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI   |
| <b>FAKULTI PENGURUSAN TEKNOLOGI DAN TEKNOUSAHAWANAN (FPTT)</b>        | BTEC        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOUSAHAWANAN DENGAN KEPUJIAN   |
|   | BTMI        | IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN TEKNOLOGI DENGAN KEPUJIAN (INOVASI TEKNOLOGI)                                |
|   | BTMM        | IJAZAH SARJANA MUDA PENGURUSAN TEKNOLOGI DENGAN KEPUJIAN (PEMASARAN TEKNOLOGI TINGGI)                       |
| <b>FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (FTKEE)</b> | BEEA        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (AUTOMASI INDUSTRI & ROBOTIK) DENGAN KEPUJIAN           |
|   | BEEC        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN KOMPUTER (SISTEM KOMPUTER) DENGAN KEPUJIAN                       |
|   | BEEE        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (ELEKTRONIK INDUSTRI) DENGAN KEPUJIAN                 |
|   | BEEI        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK (KUASA INDUSTRI) DENGAN KEPUJIAN                        |
|   | BEET        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK (TELEKOMUNIKASI) DENGAN KEPUJIAN                      |
|   | BEEY        | SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRIK DENGAN KEPUJIAN  |
|   | BEEZ        | SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN ELEKTRONIK DENGAN KEPUJIAN  |
| <b>FAKULTI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DAN PEMBUATAN (FTKMP)</b> | BMMA        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL ( TEKNOLOGI AUTOMOTIF ) DENGAN KEPUJIAN                |
|   | BMMD        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN ( REKA BENTUK PRODUK) DENGAN KEPUJIAN                  |
|   | BMMH        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (SISTEM PENYEJUKAN DAN PENYAMAN UDARA) DENGAN KEPUJIAN |
|   | BMMM        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL (TEKNOLOGI PENYELENGGARAAN) DENGAN KEPUJIAN            |
|   | BMMP        | IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN ( PROSES DAN TEKNOLOGI ) DENGAN KEPUJIAN               |
|   | BMMV        | SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN MEKANIKAL DENGAN KEPUJIAN   |
|   | BMMW        | SARJANA MUDA TEKNOLOGI KEJURUTERAAN PEMBUATAN DENGAN KEPUJIAN   |

## Pengambilan dan Enrolmen Pelajar Prasiswa 2018

Statistik pendaftaran pelajar baharu bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

**Jadual 2 Pengambilan Pelajar Baharu UTeM 2018**

| FAKULTI       | IJAZAH SARJANA MUDA (AMBILAN FEBRUARI @ SEM II 2017/2018) | IJAZAH SARJANA MUDA (AMBILAN SEPTEMBER @ SEM I 2018/2019) | DIPLOMA (AMBILAN JUN @ SEM 0 2018/2019) | JUMLAH      |
|---------------|---|---|---|-------------|
| <b>FKE</b>    | 29  | 221   | 100                                     | 350         |
| <b>FKEKK</b>  | 27  | 112   | 81                                      | 220         |
| <b>FKM</b>    | 48  | 186   | 93                                      | 327         |
| <b>FKP</b>    | 46  | 154   | 71                                      | 271         |
| <b>FTMK</b>   | 36  | 414   | 169                                     | 619         |
| <b>FPTT</b>   | -   | 349   | -                                       | 349         |
| <b>FTKEE</b>  | -   | 467   | -                                       | 467         |
| <b>FTKMP</b>  | -   | 418   | -                                       | 418         |
| <b>JUMLAH</b> | <b>186</b>  | <b>2321</b>   | <b>514</b>                              | <b>3021</b> |

Setakat 31 Disember 2018, enrolmen pelajar prasiswa yang mengikuti pengajian prasiswa ialah seramai 11,078 orang pelajar. Jadual di bawah menunjukkan enrolmen pelajar mengikut peringkat pengajian:

**Jadual 3 Enrolmen Pelajar Prasiswa UTeM 2018**

| Fakulti       | Program |                     | Jumlah       |
|---------------|---------|---------------------|--------------|
|               | Diploma | Ijazah Sarjana Muda |              |
| <b>FKE</b>    | 311     | 1051                | 1362         |
| <b>FKEKK</b>  | 255     | 678                 | 933          |
| <b>FKM</b>    | 295     | 981                 | 1276         |
| <b>FKP</b>    | 263     | 806                 | 1069         |
| <b>FTMK</b>   | 424     | 1553                | 1977         |
| <b>FPTT</b>   | -       | 1361                | 1361         |
| <b>FTKEE</b>  | -       | 1647                | 1647         |
| <b>FTKMP</b>  | -       | 1453                | 1453         |
| <b>JUMLAH</b> |         |                     | <b>11078</b> |

## Graduate On Time (GOT)

Pada tahun 2018, kadar GOT UTeM menunjukkan pencapaian yang cemerlang dengan mencatatkan sebanyak 88.9% orang pelajar program Ijazah Sarjana Muda yang bergraduat pada tempoh masa yang ditetapkan iaitu 1868 orang pelajar berbanding jumlah pengambilan seramai 2102 orang pelajar (kohort 2014/2015). Manakala bagi pelajar program Diploma, UTeM mencatat sebanyak 93.2% pelajar yang bergraduat pada tempoh ditetapkan iaitu 316 pelajar berbanding jumlah pengambilan seramai 339 orang pelajar (kohort 2015/2016).

**Jadual 4 Perbandingan Jumlah kemasukan Pelajar bagi 2014/2015 dan GOT**

**Ijazah Sarjana Muda Kohort Kemasukan 2014/2015**

| FAKULTI            | JUMLAH PELAJAR | JUMLAH PELAJAR GOT | % GOT |
|--------------------|----------------|--------------------|-------|
| <b>FKE</b>         | 236            | 207                | 87.7% |
| <b>FKEKK</b>       | 220            | 165                | 75.0% |
| <b>FKM</b>         | 245            | 206                | 84.1% |
| <b>FKP</b>         | 196            | 160                | 81.6% |
| <b>FTMK</b>        | 317            | 289                | 91.2% |
| <b>FPTT</b>        | 248            | 231                | 93.1% |
| <b>FTK</b>         | 640            | 610                | 95.3% |
| <b>KESELURUHAN</b> | <b>2102</b>    | <b>1868</b>        | 88.9% |

**Jadual 5 Perbandingan Jumlah Kemasukan Pelajar bagi 2015/2016 dan GOT**

**Diploma Kohort Kemasukan 2015/2016**

| FAKULTI            | JUMLAH PELAJAR | JUMLAH PELAJAR GOT | % GOT |
|--------------------|----------------|--------------------|-------|
| <b>FKE</b>         | 52             | 46                 | 88.5% |
| <b>FKEKK</b>       | 46             | 44                 | 95.7% |
| <b>FKM</b>         | 67             | 63                 | 94.0% |
| <b>FKP</b>         | 60             | 59                 | 98.3% |
| <b>FTMK</b>        | 114            | 104                | 91.2% |
| <b>KESELURUHAN</b> | <b>339</b>     | <b>316</b>         | 93.2% |

**Konvokesyen 2018**

Majlis Konvokesyen ke-14 telah diadakan pada 26 & 27 November 2018 bertempat di Dewan Canselor UTeM. Seramai 2746 orang graduan telah dianugerahkan masing-masing dengan Ijazah Doktor Falsafah, Ijazah Doktor Kejuruteraan, Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma yang disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Tun Datuk Sri Utama Dr. Mohd Khalil bin Yaakob selaku Canselor UTeM. Statistik jumlah graduan UTeM mengikut Fakulti dan peringkat kelayakan bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:


## Jadual 6 Bilangan Graduan Majlis Konvokesyen ke-14 UTeM

| <b>Fakulti</b>   | <b>Peringkat Kelayakan</b> | <b>Jumlah</b> |
|--|----------------------------|---------------|
| <b>Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)</b>                               | Ijazah Kedoktoran          | 4             |
|  | Ijazah Sarjana             | 19            |
|  | Ijazah Sarjana Muda        | 251           |
|  | Diploma                    | 51            |
Tahun 2018 telah melakar sejarah kejayaan cemerlang bagi penerbitan UTeM sejak penubuhannya apabila mencapai lonjakan tertinggi penerbitan jurnal berindeks SCOPUS dan WoS sebanyak 861 (33%) berbanding 646 bagi tahun 2017 sekaligus UTeM mengungguli penerbitan jurnal berbanding universiti MTUN yang lain. Pelbagai strategi berfokus dan holistik telah dilaksanakan oleh Universiti bagi memastikan kelestarian dan kecemerlangan penyelidikan serta inovasi terus gemilang di peringkat kebangsaan dan persada antarabangsa.

Jadual berikut menunjukkan peningkatan sebanyak 25% staf akademik menghasilkan penerbitan jurnal dan prosiding berindeks berbanding tahun 2017. Manakala jumlah kumulatif penerbitan sitasi bagi tahun 2018 juga meningkat sebanyak 27% berbanding tahun 2017. Ini membuktikan hasil penyelidikan penyelidik UTeM semakin berkualiti, berpotensi dan berimpak seiring dengan tahun Translational Research.

**Jadual 18** Perbandingan Petunjuk Prestasi 2017 dan 2018

| Petunjuk Prestasi Utama  | 2017 | 2018  |
|--|------|-------|
| Jumlah penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap staf akademik di universiti | 1.44 | 1.81  |
| Jumlah sitasi kumulatif bagi setiap staf akademik di universiti                                | 8.95 | 11.36 |

## Penerbitan Mengikut Jawatan Bagi Tahun 2018

**Jadual 19** Perbandingan Penerbitan mengikut Jawatan Akademik 2018

| Jawatan         | Bil. Staf  | *Minimum Jurnal Berindeks Setahun / Jawatan | Jurnal (Scopus) |                      | Jurnal (WoS) |                      |
|-----------------|------------|---|-----------------|----------------------|--------------|----------------------|
|                 |            |   | Nisbah          | Bil. Terbitan Jurnal | Nisbah       | Bil. Terbitan Jurnal |
| Profesor        | 29         | 3   | 5.724           | 166                  | 1.138        | 33                   |
| Profesor Madya  | 82         | 2   | 5.268           | 432                  | 0.915        | 75                   |
| Pensyarah Kanan | 319        | 2   | 2.461           | 785                  | 0.520        | 166                  |
| Pensyarah       | 227        | 1   | 1.546           | 351                  | 0.238        | 54                   |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>657</b> |   |                 | <b>1,734</b>         |              | <b>328</b>           |

Nota:

- Sumber daripada HRMIS UTeM: Data staf akademik aktif sehingga 31 Oktober 2018
- Jumlah ini merangkumi penulis pertama, corresponding author, co-author dan sebagainya dalam penerbitan
- Data ini duplikasi dalam WoS & SCOPUS
- \* Pekelling Akademik Bil.6/2017

## Bilangan Kumpulan Penyelidik Berdasarkan IPT

Pada tahun 2018, UTeM melakar pencapaian yang membanggakan dengan pencapaian yang paling tinggi di kalangan institusi pengajian tinggi iaitu sembilan (9) kumpulan penyelidik bagi geran “Public-Private Research Network” (PPRN). Geran PPRN ini diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai satu model kerjasama strategik antara industri dan akademia.

Butiran projek penyelidikan adalah seperti berikut :

**Jadual 20** Senarai Projek Penyelidikan UTeM

| Bil. | Kolaborasi Syarikat                  | COE   | Tajuk Projek Penyelidikan   | Nama Penyelidik            | Bajet Diluluskan (RM) |
|------|--------------------------------------|-------|---|----------------------------|-----------------------|
| 1    | GM Peladang Sdn. Bhd.                | CaRE  | Temperature Control System for Fertigation Application                                    | Mohd Farid bin Ismail      | 39,000.00             |
| 2    | NITEC Niaga                          | CERIA | Evaporative Cooling System for Greenhouse   | Mohd Badril bin Nor Shah   | 39,380.00             |
| 3    | Fasya Food Enterprise                | CaRE  | Cucur Badak and Samosa Machine  | Febrian bin Idral          | 36,000.00             |
| 4    | Noni Aneka Talam                     | CaRE  | Automated Powder Filler Machine   | Qamar Fairuz bin Zahmani   | 38,570.00             |
| 5    | Rich Timur Enterprise                | CaRE  | Automatic Packaging Machine and Cooling & Strainer Machine for Production of Crunchy Nuts | Adnan bin Katijan          | 48,100.00             |
| 6    | LED Vision Sdn Bhd                   | CeTRI | Smart LED Street Lighting System  | Lim Kim Chuan              | 33,870.00             |
| 7    | Twin Empire Manufacturing            | CeTRI | Automation System for Honey Production  | Shahrizal bin Saat         | 48,570.00             |
| 8    | Hasil Laut Paksu Sdn. Bhd.           | CERIA | Automatic Fish Fillet Machine   | Intan Mastura binti Saadon | 42,500.00             |
| 9    | Synergy Integrated Resources Sdn Bhd | CeTRI | Accelerating Image Processing of Water Inspection   | Sani Irwan bin Md Salim    | 99,850.00             |





8.0

## MEMACU POTENSI INDUSTRI DAN MASYARAKAT

## 8.0 Memacu Potensi Industri dan Masyarakat

### Jaringan Industri dan Masyarakat

Tahun 2018 menyaksikan agenda yang lebih mencabar dalam memadankan ilmu, kepakaran, kemudahan dan sumber di Universiti dengan keperluan, aspirasi serta harapan pihak industri dan masyarakat bersesuaian dengan strategi perkongsian pintar *Quadruple Helix Ecosystem* yang telah dibangunkan serta dilaksanakan dengan jayanya oleh UTeM.

### Program-program Berimpak Peningkatan Hubungan Industri

Program-program bagi meningkatkan hubungan industri adalah terbahagi kepada tiga kategori iaitu mewujudkan hubungan yang baharu, meneruskan perhubungan yang sedia ada, dan memberi perkhidmatan strategik yang berkaitan dengan penglibatan pelajar, masyarakat dan industri.

Secara puratanya, pada tahun 2018 ini melibatkan lebih 60 program dan aktiviti dalam memastikan hubungan empat hala ini berterusan dengan harmoni.

Antara program kerjasama yang terkesan ialah dengan Konica Minolta Business Technologies (M) Sdn.Bhd. dan Big Data Technology Pty Ltd. Australia serta Xinyi, Hong Kong. Selain itu, kerjasama strategik masih diteruskan ialah dengan WD International bagi program mobiliti pelajar dan latihan meningkatkan kemahiran jurutera di Samsung SDIEM.

### Western Digital International Mobility Program

UTeM dengan Program Campus Connect KPT-WD kini memasuki tahun keenam dan pelajar berpeluang ke WD Thailand melibatkan tujuh (7) pelajar UTeM *Graduate Induction Programme* (Grip) dan 23 pelajar Politeknik *Industrial Development Programme* (INDEP) telah berlangsung pada 26 hingga 28 Februari 2018.

Program ini memberi peluang kepada pelajar Malaysia dalam pendedahan kerja dengan jurutera dari pelbagai negara termasuk Kanada, Jerman, Amerika Syarikat, Afrika Selatan di WD Thailand.

### Samsung SDIEM Engineering Up-Skilling Program

Projek perundingan dalam kategori latihan meningkatkan kemahiran, UTeM akan melatih dan meningkatkan kualiti kemahiran 345 orang jurutera syarikat Samsung SDIEM dalam tempoh tiga (3) tahun.

Pakar-pakar UTeM melatih jurutera syarikat dalam penyelesaian masalah kejuruteraan pembuatan di Kilang Samsung SDIEM, Senawang. Latihan juga diadakan di Kampus Teknologi UTeM di Ayer Keroh, Melaka.

Di akhir program ini, kesemua jurutera memperoleh Sijil Kecekapan yang diiktiraf oleh pihak pengurusan Samsung SDIEM.

## Program serentak Smart IoT Roundtable & Melaka Smart City Challenge 2018

Pejabat Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat) UTeM menganjurkan dua program serentak iaitu Mesyuarat Meja Bulat (Smart IoT Roundtable Meeting) dan *Melaka Smart City Challenge 2018* pada 17 Disember 2018, berlangsung di Kampus Teknologi Ayer Keroh.

Mesyuarat Meja Bulat ini melibatkan wakil-wakil daripada Kerajaan Negeri, Industri, Universiti dan Komuniti untuk membincangkan inisiatif-inisiatif bersama untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah negeri yang lebih pintar dengan penggunaan teknologi IoT.

Penganjuran kedua-dua program Mesyuarat Meja Bulat dan *Melaka Smart City Challenge 2018* menjadi pemangkin serta dapat meningkatkan hubungan kerjasama *Quadruple Helix* iaitu di antara kerajaan, Universiti, industri dan komuniti sebagai objektif strategik utama dan menjadi *Key Performance Indicator* (KPI) bagi memastikan setiap pihak yang terlibat dapat membantu dalam memacu ekonomi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi seperti yang telah digariskan oleh pihak Kerajaan melalui IR 4.0.

Berikut adalah senarai delegasi daripada kerajaan negeri, industri, universiti dan agensi luar yang hadir pada Program Meja Bulat Smart IoT 2018 tersebut:

**Jadual 21** Pihak agensi, komuniti dan syarikat yang hadir Mesyuarat Meja Bulat Smart IoT 2018

| Bil | Organisasi  |
|-----|---|
| 1   | Melaka Smart City Advisory Council                                |
| 2   | Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Melaka                       |
| 3   | Malaysian Investment Development Authority (MIDA)                 |
| 4   | Bahagian Hubungan Industri, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) |
| 5   | Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)                            |
| 6   | Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Alor Gajah                    |
| 7   | XinYi Glass (Malaysia) Sdn. Bhd.                                  |
| 8   | LED Vision Sdn. Bhd.  |
| 9   | STMicroelectronics Sdn. Bhd.                                      |
| 10  | One Team Networks Sdn. Bhd.                                       |
| 11  | INTEL Microelectronics (M) Sdn. Bhd.                              |
| 12  | Vishay Semiconductor Malaysia Sdn. Bhd.                           |
| 13  | Pernec Integrated Network Systems Sdn. Bhd.                       |
| 14  | Samsung SDI Energy Malaysia Sdn. Bhd.                             |
| 15  | Infineon Technologies (M) Sdn. Bhd.                               |
| 16  | E Technology  |
| 17  | Anjung Technology Sdn. Bhd.                                       |
| 18  | Universiti Malaysia Terengganu (UMT)                              |
| 19  | Universiti Multimedia (MMU)                                       |
| 20  | Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM)                              |
| 21  | Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Melaka                    |

Perbincangan meja bulat ini telah menghasilkan beberapa cadangan yang boleh memberi impak kepada pembangunan bandar pintar Melaka yang mana antara hasil perbincangan bersama ialah:

1. Penubuhan Platform IoT Bandar Pintar Melaka

- Akademi IoT Samsung, UTeM dijadikan sebagai platform untuk mengumpulan dan pemprosesan data.
- Cadangan tindakan dan projek yang boleh dilaksanakan termasuk: IoT bagi pengangkutan awam, persekitaran pintar seperti teknologi solar dan pengurusan sisa, IoT bagi lampu isyarat pintar dan kereta autonomus, sistem parkir pintar bagi kereta, bas elektrik percuma dan menangani denggi menggunakan IoT

2. Bandar Pintar Melaka – Fungsi kerajaan negeri, universiti, industri dan komuniti

- Fungsi kerajaan atau agensi – menghasilkan polisi
- Fungsi universiti – menyediakan latihan IoT
- Fungsi industri – pelaksanaan teknologi IoT
- Fungsi komuniti – menggunakan teknologi IoT

3. Kluster Bandar Pintar Melaka

- Kepimpinan pintar (*Smart governance*)
- Tenaga pintar (*Smart energy*)
- Pelancongan pintar (*Smart tourism*)
- Persekutaran pintar (*Smart environment*)
- Masyarakat pintar (*Smart society*)
- Mobiliti pintar (*Smart mobility*)
- Ekonomi pintar (*Smart economy*)
- Pelaburan pintar (*Smart investment*)

Dalam perbincangan ini juga, Majlis Penasihat Bandar Pintar Melaka menggesa pemain industri menyalurkan cadangan dan inisiatif bersama untuk menjadikan Melaka sebuah negeri yang lebih pintar.

Siri mesyuarat meja bulat industri sejak tahun 2014 dan melibatkan lebih 100 syarikat dan organisasi seperti di Jadual 22.

**Jadual 22** Pelaksanaan Siri Mesyuarat Meja Bulat Industri

| Meja Bulat           | Tahun                              | 2016                            | 2017   | 2018 |
|----------------------|------------------------------------|---------------------------------|--|------|
| HRM Roundtable       | 25 syarikat<br>-8 November<br>2016 |                                 |  |      |
| SME Roundtable       |                                    | 26 SMEs<br>-13 Disember<br>2017 |  |      |
| Smart IoT Roundtable |                                    |                                 | 21 wakil Kerajaan Negeri<br>Melaka, agensi dan syarikat<br>-17 Disember 2018 |      |

### Pertandingan Akhir Melaka Smart City Challenge 2018

Pertandingan Akhir Melaka Smart City Challenge 2018 merupakan anjuran bersama oleh institusi pengajian tinggi (IPT) yang berpusat di Melaka, termasuk Universiti Multimedia (MMU), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Politeknik Melaka.

Terbuka kepada pelajar-pelajar bidang kejuruteraan, sains komputer, IT dan sains dari IPT di Melaka, pertandingan ini bertujuan untuk mempromosikan projek-projek inovatif untuk menangani masalah dunia sebenar, terutamanya masalah Bandaraya Melaka dengan penyelesaian praktikal IoT (Internet of Things) dan menghasilkan bakat untuk pembangunan produk, penyelidikan dan pengkomersilan.

Pertandingan ini telah melalui beberapa peringkat, bermula dengan pemilihan 30 projek yang dicadangan, sesi bimbingan dengan pakar-pakar IoT dan diikuti oleh beberapa latihan ‘hands-on’. Setiap pasukan mempunyai pilihan untuk memilih salah satu daripada empat trek cabaran yang ditetapkan oleh pihak pengajur, termasuk *Melaka Smart Economy Challenge*, *Melaka Smart Environment Challenge*, *Melaka Smart Mobility Challenge*, *Melaka Smart Living Challenge* dan tambahan trek khas iaitu *Melaka Smart Homestay*.

## Menganjurkan Majlis MoU dan MoA (Senarai kerjasama)

Sepanjang tahun 2018 ini, UTeM telah memeterai 22 memorandum kerjasama terdiri daripada empat Surat Niat (LoI), lapan (8) Memorandum Persefahaman (MoU) dan 10 Memorandum Perjanjian (MoA), seperti di Jadual 23.

**Jadual 23** Memorandum Kerjasama tahun 2018

| Tahun       | MoU | MoA | LoI | Jumlah |
|-------------|-----|-----|-----|--------|
| <b>2018</b> | 8   | 10  | 4   | 22     |

Senarai agensi dan syarikat yang menjalinkan memorandum kerjasama pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

**Jadual 24** Letter of Intent (LoI) to Collaborate 2018

| Bil. | Nama Organisasi   | Meterai  |
|------|---|----------|
| 1.   | King Mongkut University of Technology, North Bangkok (KMUTNB) | Februari |
| 2.   | Xinyi Glass (HK)  | April    |
| 3.   | Xinyi Energy Smart dan Xinyi Solar (HK)                       | Disember |
| 4    | Jabatan Tenaga Kerja Negeri Melaka (Job Malaysia)             | Disember |

**Jadual 25** MoU yang dimeterai pada tahun 2018

| Bil. | Nama Organisasi  | Tarikh Meterai MoU |
|------|--|--------------------|
| 1.   | Universiti Muhammadiyah Magelang, Indonesia.                           | Januari            |
| 2    | Universitas Sriwijaya (UNSRI), Indonesia                               | Februari           |
| 3    | Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, Indonesia                         | April              |
| 4    | Malaysia High Speed Rail (MyHSR)                                       | April              |
| 5    | Universiti Teknologi Malaysia (UTM- Wireless Communication Centre WCC) | April              |
| 6    | Konica Minolta Business Technologies (M) Sdn.Bhd.                      | Julai              |
| 7.   | Islamic University of Technologi (IUT), Gazipur, Bangladesh            | September          |
| 8    | Metrology Corporation (M) Sdn. Bhd. (MCM)                              | November           |

### Jadual 26 MoA yang dimeterai pada tahun 2018

| Bil. | Nama Organisasi   | Tarikh Meterai MoA |
|------|---|--------------------|
| 1.   | Yayasan Perguruan Tinggi Islam Batik (YAPERTIB), Indonesia  | Januari            |
| 2    | Big Data Technology Pty Ltd. West Perth, Western Australia  | Februari           |
| 3    | SUBITEC Sdn. Bhd.   | Februari           |
| 4    | Bank Islam (M) Bhd.   | Februari           |
| 5    | Malaysia Institute of Road Safety Research (MIROS)  | Mac                |
| 6    | Uni Student University Entrance Services.   | April              |
| 7    | AI Tanweer Institute of Technology (AIT), United Arab Emirates (UAE)  | April              |
| 8.   | Gabungan empat universiti antarabangsa iaitu<br>1.University of Manchester, United Kingdom<br>2.University of New Castle, United Kingdom<br>3.Loughborough University, United Kingdom<br>4.Xiamen University, China | Mei                |
| 9    | PPKS ILMU Sdn.Bhd., Kuching, Sarawak.   | Julai              |
| 10   | MoA - Southeast Asian Ministers Of Education (SEAMEO) - Special Educational Needs (SEN).  | November           |

### Kebolehpasaran Graduan

Sepanjang tahun 2018 ini, pelbagai program kebolehpasaran graduan telah dilaksanakan oleh Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG) di bawah Pejabat PNC-JIM bagi meningkatkan kebolehpasaran para graduan UTeM samada kemahiran teknikal dan juga Insaniah termasuk *soft skill* ataupun kemahiran-kemahiran yang berkaitan.

### UTeM Bersama Industri (UBI): Karnival Kerjaya dan Majlis Apresiasi Industri 2018

Karnival kerjaya dan Majlis Apresiasi Industri telah diilaksanakan serentak pada 19 September 2018, di Dewan Canselor UTeM, Durian Tunggal, dengan kerjasama JobsMalaysia Centre Melaka, Team Kerjaya & Majlis Perwakilan Pelajar, UTeM.

Sejumlah 30 industri yang hadir dalam mengadakan sesi temuduga kepada para graduan dan 20 Industri yang hadir dalam Majlis Apresiasi.

Seramai 1,616 pengunjung telah dicatatkan hadir dalam Karnival Kerjaya dan daripada jumlah itu seramai 49 orang telah berjaya dalam sesi temuduga, 897 orang telah dipanggil untuk temuduga susulan.

Majlis Apresiasi telah diadakan sebagai penghargaan kepada rakan industri yang telah memberikan sokongan kepada UTeM semenjak penubuhan universiti pada tahun 2000.

Berikut adalah antara aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018. Sila lihat Jadual 27 di bawah.

**Jadual 28** Senarai program & aktiviti kebolehpasaran graduan untuk pelajar-pelajar sepanjang tahun 2018

| Bil | Nama Program  | Tarikh             | Peserta   |
|-----|---|--------------------|---|
| 1   | Kunjungan Delegasi USIM (Sesi perkongsian Sistem Alumni dan GE) | 11 Jan 2018        | 7 orang wakil USIM  |
| 2   | Melaka Career & Internship Fair 2018                            | 13 Jan 2018        | 20 syarikat (Tempatan & Multinasional)                                  |
| 3   | Theory of Innovative Problem Solving I (TRIZ 2018)              | 20 & 21 Jan 2018   | 23 peserta (guru)   |
| 4   | Dialog Bersama Menteri di UTM, Johor                            | 05 Feb 2018        | Wakil-wakil universiti & industri                                       |
| 5   | Texas Instrument Career Talk & Interview Session 2018           | 28 Feb 2018        | 107 pelajar (80 ditemuduga)   |
| 6   | Sunpower Career Talk 2018                                       | 7 Mac 2018         | 50 pelajar  |
| 7   | Vishay Semiconductor Career Talk 2018                           | 14 Mac 2018        | 50 peserta  |
| 8   | Nikkei Asian Recruiting Forum (NARF) 2018                       | 11 April 2018      | 100 pelajar   |
| 9   | Theory of Innovative Problem Solving II – (MyTRIZ)              | 13- April 2018     | 50 pelajar  |
| 10  | Intern Fair FPTT  | 17 April 2018      | 20 pelajar telah berdaftar menjadi Ahli Team Kerjaya                    |
| 11  | Infineon Career Talk & Interview Session I                      | 18 April 2018      | 90 pelajar  |
| 12  | Infineon Week & Interview Session II                            | 23 & 24 April 2018 | 112 pelajar   |
| 13  | Vishay Inotek & Interview Session                               | 25 & 26 April 2018 | 50 pelajar  |
| 14  | Axiata's University Laedership Program                          | 2 Mei 2018         | 40 Pelajar  |
| 15  | Job Malaysia Program GE   | 4-6 Mei 2018       | 1 pelajar yang terlibat   |
| 16  | Hong Leong Career Talk  | 16 Mei 2018        | 10 pelajar terlibat   |
| 17  | Bengkel LO/PO Latihan Industri 2018                             | 27 Jun 2018        | 14 wakil fakulti  |
| 18  | Program National Science Challenge 2018                         | 10 Julai 2018      | 120 pelajar sekolah   |
| 19  | Lawatan ke (Aspire career)                                      | 21 Julai 2018      | 14 Pelajar UTeM   |
| 20  | Perbincangan Kolaborasi UTeM, JobsMalaysia dan wakil Industri   | 07 Ogos 2018       | 6 wakil PJIM, 3 wakil JobMalaysia, 20 wakil industri                    |
| 21  | Bangkel LAB Penetapan Kebolehpasaran Graduan (KPM)              | 14 & 15 Ogos 2018  | Semutua UA (KPM)  |
| 22  | Karnival Kerjaya UTeM dan Aprisiasi Industri 2018               | 19 September 2018  | Peserta 1616, Pelajar UTeM 710 yang terlibat 60 Industri telah terlibat |
| 23  | CIMB 3D Competition   | 26 September 2018  | 20 Pelajar Terlibat   |
| 24  | Texas Instruments Career Talk & Interview Session Siri 2/2018   | 01 November 2018   | Pelajar UTeM  |
| 25  | LOI UTeM bersama JobsMalaysia                                   | 17 Disember 2018   | Pengarah JTK bersama PNC-JIM  |
| 26  | Kempen Kesedaran "Jom Cari Kerja, Jom Mula Niaga"               | Sepanjang tahun    | Semutua pelajar tahun akhir   |
| 27  | Virtual Career Fair di portal UTeM Career Connect               | Sepanjang tahun    | Tawaran pekerjaan & Latihan Industri                                    |
| 28  | Gig Economy   | Sepanjang tahun    | Pelajar UTeM  |

Pemakluman mengenai peluang pekerjaan oleh UTeM Career Connect melalui laman sesawang *Virtual Career Fair* dengan alamat <http://careerconnet.utem.edu.my> berfungsi untuk membantu para pelajar UTeM mendapatkan sebarang maklumat dan peluang pekerjaan bagi memudahkan permohonan jawatan yang ditawarkan oleh syarikat.

Sepanjang tahun 2018, terdapat sebanyak enam buah syarikat yang turut serta dalam usaha ini.

Pihak industri telah menawarkan pelbagai peluang pekerjaan dalam kerjasama yang dijalankan ini, dan hasilnya telah menarik minat seramai 650 ribu pelawat melayari portal ini.

### Kajian Kebolehpasaran Graduan

Majlis Konvokesyen 2018 melibatkan seramai 2,767 graduan dengan kadar responden sejumlah 2,673 orang graduan (96.60%). Kadar GE semasa konvokesyen 2018 ialah 78.26%. berbanding 74.88 % GE semasa konvokesyen 2017. Sektor pekerjaan utama graduan UTeM adalah dalam bidang swasta tempatan iaitu 43.42% dan diikuti swasta multinasional 32.65%, dan seterusnya sektor Pertubuhan Bukan kerajaan (NGO) iaitu sebanyak 11.85%. Manakala sektor-sektor selebihnya seperti di dalam Jadual 28 di bawah.

**Jadual 28** Sektor Pekerjaan Pelajar UTeM Semasa Konvokesyen 2018

| Sektor Pekerjaan                  | Bil          | %          |
|-----------------------------------|--------------|------------|
| Badan berkanun                    | 23           | 1.67       |
| Swasta multinasional              | 449          | 32.65      |
| Swasta tempatan                   | 597          | 43.42      |
| Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) | 58           | 4.22       |
| Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO)   | 163          | 11.85      |
| Kerajaan Persekutuan              | 65           | 4.73       |
| Kerajaan Negeri/Tempatan          | 20           | 1.45       |
| <b>Jumlah</b>                     | <b>1,375</b> | <b>100</b> |

Berikut merupakan trend status pekerjaan kajian kebolehpasaran graduan UTeM dari tahun 2014 sehingga tahun 2018 sebaik sahaja menamatkan pengajian. Jadual 28 menunjukkan para graduan lebih cenderung untuk memilih bekerja selepas tamat pengajian. Sila lihat Jadual 29 untuk perincian.

**Jadual 29** Status Pekerjaan Graduan UTeM 2014-2018

| Status Pekerjaan / Tahun       | 2014  | 2015  | 2016  | 2017  | 2018  |
|--------------------------------|-------|-------|-------|-------|-------|
|                                | (%)   | (%)   | (%)   | (%)   | (%)   |
| Bekerja                        | 38.47 | 42.73 | 57.79 | 57.04 | 58.66 |
| Melanjutkan Pengajian          | 24.65 | 15.86 | 12.73 | 10.43 | 12.27 |
| Meningkatkan Kemahiran         | 2.02  | 3.23  | 3.23  | 3.42  | 2.51  |
| Menunggu Penempatan Pekerjaan  | 3.65  | 4.42  | 2.59  | 3.99  | 4.83  |
| Belum Bekerja                  | 31.21 | 33.76 | 23.66 | 25.12 | 21.74 |
| Peratus Kebolehpasaran Graduan | 68.79 | 66.24 | 76.34 | 74.88 | 78.26 |

## Penyelaras Latihan Industri

Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan juga berfungsi sebagai penyelaras Latihan Industri Universiti. Jadual 30 di bawah menunjukkan bilangan pelajar yang selesai menjalani Latihan Industri 2018 dan telah bergraduat.

**Jadual 30** Bilangan pelajar yang menjalani Latihan Industri 2018

| Fakulti | Bilangan pelajar ke Latihan Industri 2018 |                     |
|---------|---|---------------------|
|         | Diploma                                   | Ijazah Sarjana Muda |
| FKEKK   | 44  | 199                 |
| FKE     | 49  | 243                 |
| FKP     | 55  | 169                 |
| FKM     | 63  | 234                 |
| FTMK    | 103                                       | 344                 |
| FPTT    | 0   | 237                 |
| FTK     | 0   | 597                 |

## Pengurusan Alumni

Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan juga bertanggungjawab sebagai badan penghubung di antara Alumni dengan pihak Universiti. Beberapa aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 dengan tujuan memperkasakan pengurusan Alumni UTeM dan juga Persatuan Alumni UTeM (AUTeM).

Pelaksanaan pelbagai aktiviti ini adalah untuk menanamkan semangat cinta “alma mater” serta memupuk semangat pemuaafakan bagi mengekalkan jaringan yang kukuh di kalangan alumni di samping hubungan yang erat di antara alumni dan universiti.

## Program AUTeM FaSaSi Back To School

Program ini merupakan program mahasiswa UTeM bersama pelajar sekolah disekitar Kajang. Penerapan nilai murni dan akhlak tinggi sangat ditekankan bagi melahirkan remaja yang berketrampilan apabila berhadapan dengan masyarakat. Interaksi antara golongan belia yang pernah bergelar mahasiswa merupakan agen masyarakat yang amat diperlukan. Program ini melibatkan lima (5) buah sekolah di sekitar Kajang, Selangor.

Seramai 736 orang pelajar sekolah dan seramai 60 orang fasilitator di kalangan faSaSi AUTeM terlibat secara langsung secara keseluruhannya program ini tidak hanya melahirkan alumni yang bersahsiah tinggi, malah para peserta dari semua sekolah telah memberikan kerjasama yang terbaik sepanjang program dijalankan. Selain itu juga, ada di antara sekolah yang berharap agar program seumpama ini dijalankan pada setiap tahun kerana ianya turut berjaya mendekatkan pelajar dengan UTeM.

## Majlis Pelancaran AUTeM Chapter FASASI

Pada 10 Februari 2018 Majlis Pelancaran AUTeM Chapter FaSaSi telah diadakan di Restoran Garden Lobster, Sungai Ramal Dalam, Kajang, Selangor. Penyertaan melibatkan seramai 80 orang Alumni yang menetap dan bekerja di sekitar Kajang dan negeri Selangor.

Majlis ini dilaksanakan bagi menubuhkan cawangan FASASI agar ianya memudahkan segala maklumat dapat disalurkan dengan baik di samping penglibatan dalam penganjuran aktiviti lebih menyeluruh. Pertemuan ini juga turut berjaya menghasilkan beberapa pandangan dan buah fikiran daripada semua ahli demi untuk menaikkan martabat Persatuan Alumni UTeM (AUTeM) setaraf dengan universiti awam yang lain.

## Sesi Bersama Alumni UTeM Sempena Minggu Haluan Siswa UTeM 2017/2018

Aktiviti ini telah dijalankan di Dewan Besar UTeM pada 8 September 2018 dan dihadiri seramai 2,000 orang mahasiswa baru bagi sesi 2018/2019. Wakil Alumni UTeM telah dijemput untuk menyampaikan maklumat dan perkongsian ilmu iaitu, Dr. Khairuddin bin Osman merangkap Pengarah, Pusat Pengurusan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan) serta selaku Timbalan Presiden AUTeM.

Sesi Bersama Alumni di Minggu Haluan Siswa merupakan slot khas yang disediakan dengan tujuan untuk mempromosikan Persatuan Alumni serta fungsi utamanya termasuklah memberikan gambaran persediaan suasana pembelajaran dan pengajaran di UTeM.

## Majlis Hi Tea Alumni dan Pelancaran Penasihat Alumni

Majlis ini telah diadakan pada 1 Disember 2018, bertempat di Hotel MITC, Ayer Keroh Melaka dengan dihadiri seramai 110 orang antara yang hadir persatuan AUTeM serta persatuan-persatuan mahasiswa UTeM.

Seramai 50 orang ahli alumni (AUTeM) telah menawarkan diri secara sukarela sebagai Penasihat Mahasiswa Alumni Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dan mereka berkongsi pengalaman serta kepakaran yang mereka miliki sebagai Penasihat kepada 83 kepimpinan persatuan mahasiswa di UTeM.

## Pelancaran Buku Alumni

Buku ini telah dilancarkan oleh Pro-Canselor UTeM, Datuk Wira Ismail Saleh pada 25 November 2018 sempena Konvokesyen Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Ke-14 di tapak Pesta Konvo UTeM, Kampus Induk.

Intipati buku ini adalah sorotan perjalanan para alumni bermula di institut pengajian sehinggalah berjaya dalam kerjaya masing-masing agar memberi inspirasi kepada warga Universiti.

## Program Bersama Masyarakat

### Program *My Kampung My Future (MKMF)* Melaka

Program MKMF ini telah diadakan di Homestay Kampung Seri Tanjung, Masjid Tanah, Melaka dengan kerjasama FAMA Negeri Melaka pada 24 Januari 2018. Aktiviti yang dijalankan ialah Kursus Penanaman Cendawan Tiram Kelabu, yang berlangsung di Balai Raya Kampung Seri Tanjung.

Para peserta terdiri daripada penduduk Kampung Seri Tanjung telah mengikuti Kursus Teknikal Penanaman Cendawan Tiram Kelabu di Sinar Syukrawie Enterprise Perusahaan Cendawan, Bukit Gadek, Alor Gajah, Melaka.

Projek ini bertujuan untuk membantu meningkatkan pendapatan keluarga penduduk dan melibatkan pemasangan dua (2) buah Unit Rumah Cendawan di Kampung Seri Tanjung pada 18 April 2018 oleh peserta program.

Sebanyak 8,000 bongkah cendawan tiram kelabu telah dibekalkan kepada peserta *My Kampung My Future* di Kampung Seri Tanjung, Masjid Tanah Melaka. Bongkah-bongkah tersebut ditempatkan ke dalam dua (2) buah rumah cendawan. Setiap rumah cendawan tersebut dapat memuatkan sebanyak 4000 bongkah.

### Program *Free Market Kampung Orang Asli di Kg. Gapam Baru dengan kerjasama Jawatankuasa Khidmat Masyarakat Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi dan Jabatan Kebajikan Orang Asli Melaka*

Program bertujuan membantu seramai 250 orang, Orang Asli di Kampung Gapam Baru, Alor Gajah, Melaka bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

Bantuan ini akan berterusan untuk beberapa tahun dan sebagai permulaan, beberapa barang keperluan yang disumbang oleh staf UTeM telah disalurkan kepada masyarakat Orang Asli berkenaan. Barang keperluan antaranya berupa pakaian lelaki/wanita, pakaian bayi dan kanak-kanak serta barang alatan rumah seperti barang elektrik.



9.0

# PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PENGURUSAN PRASARANA



## 9.0 Pembangunan Fizikal Dan Pengurusan Prasarana

### Kampus Induk UTeM

Pada tahun 2018 Kampus Induk UTeM terus membangun dan berkembang selaras dengan perancangan universiti bagi merealisasikan konsep pembangunan dan kemodenan sesuai dengan perubahan semasa serta menzahirkan persekitaran kondusif bagi seluruh warga kerja dan pelajar.

### Pembangunan Kampus Induk

#### Pembangunan Projek Fizikal Menggunakan Peruntukan Pembangunan (Pusat)

##### Rolling Plan 1 Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11;RP1)



Jumlah keseluruhan kos projek fizikal RMK11;RP1 adalah berjumlah RM73.28 juta yang melibatkan tiga (3) komponen projek. UTeM komited dalam memastikan segala perancangan projek dilaksanakan mengikut tempoh kontrak yang telah ditetapkan.

Secara keseluruhannya, semua projek telah bermula dan berikut adalah ringkasan status perlaksanaan projek.

- i. Membina Dan Menyiapkan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan  
Kaedah Perlaksanaan : Reka dan Bina  
Kontraktor : Muar Usaha Bakti Sdn. Bhd.  
Tarikh Mula : 23 Oktober 2017  
Tarikh Siap : 23 Ogos 2019  
Kemajuan Sehingga Disember 2018  
Kemajuan Rancang : 43%  
Kemajuan Sebenar (Tapak) : 45% (Dahulu Jadual / +9.6 hari)

## Perkembangan Semasa di Tapak Bina



Blok Pentadbiran dan Akademik



Blok Dewan Kuliah



Blok Makmal A



Blok Makmal B



Bangunan Surau



Blok Sub-Station Utama

### ii. Membina Dan Menyiapkan Kompleks Dewan Kuliah

Kaedah Perlaksanaan : Konvensional  
Perunding : Saada Architect  
: Perunding Kejuruteraan Mahir  
: Synergy Tech Consult Sdn. Bhd.  
: Menara Teknik

Tarikh Mula Pembinaan : 4 Mac 2019 (anggaran)

Tarikh Siap Pembinaan : 3 Mac 2020 (anggaran)

Status:

- Diperingkat perolehan kontraktor.
- Lawatan tapak tender telah diadakan pada 19 November 2018.
- Tarikh tutup tender pada 10 Disember 2018.



**Lukisan Perspektif**

iii. Membina & Menyiapkan Sambungan Infrastruktur Jalan

Kaedah Perlaksanaan : Konvensional


Perunding : Iras Perunding

Tarikh Mula Pembinaan : 4 Mac 2019 (anggaran)

Tarikh Siap : 3 Oktober 2019 (anggaran)

Status:

- Diperingkat perolehan kontraktor.
- Lawatan tapak tender telah diadakan pada 19 November 2018.
- Tarikh tutup tender pada 10 Disember 2018.



**Lukisan Jajaran Jalan**

## **Rolling Plan 4 Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMK11;RP4)**

Strategi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) telah dilaksanakan menggunakan pendekatan *Rolling Plan* yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi bagi memantau permohonan dan perlaksanaan program / projek setiap agensi-agensi kerajaan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10);1st Rolling Plan, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah memperaku enam (6) komponen projek berjumlah RM13,000,000.00. Berikut adalah peratus pecahan kos projek bagi tahun 2011 hingga 2012.

Bagi RMK11:RP4, UTeM telah membuat beberapa perancangan bagi melengkapkan fasiliti bagi kemudahan warga UTeM khususnya para pelajar UTeM. Sebanyak sebelas (11) permohonan termasuk projek fizikal dan perolehan peralatan akademik telah dimohon untuk perakuan dan kelulusan pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Kos projek/program yang dipohon adalah berjumlah RM305,297,500.00.

Berdasarkan permohonan ini, pihak KPT hanya memperaku empat (4) komponen projek fizikal dengan jumlah kos RM122,900,000.00 untuk diangkat ke Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM). Berikut adalah butiran permohonan RMK10;RP3:

**Jadual 31** Komponen Projek Fizikal UTeM

| Bil. | Projek   | Kos (RM)      |
|------|--|---------------|
| 1.   | UTeM - Cadangan Membina Dan Menyiapkan Kompleks Senat Dan Kecemerlangan Akademik         | 15,000,000.00 |
| 2.   | UTeM - Penggantian Sistem Dan Peralatan Automasi Bangunan Sedia Ada Di Kampus Induk UTeM | 4,000,000.00  |
| 3.   | UTeM - Peralatan Aktif Rangkaian Dan Infrastruktur Pengkomputeran                        | 20,000,000.00 |
| 4.   | UTeM - Perolehan Peralatan Akademik Bagi Fakulti Sedia Ada                               | 15,000,000.00 |

Dasar Kementerian bagi tahun 2019 mempertingkatkan kemudahan infrastruktur Agensi menyaksikan kelulusan dalam peruntukan UTeM telah diluluskan dua (2) projek di UTeM iaitu Penggantian Sistem dan Peralatan Automasi Bangunan Sedia Ada Di Kampus Induk UTeM dan Peralatan Aktif Rangkaian dan Infrastruktur Pengkomputeran.

Dengan kelulusan pelaksanaan ini, Kampus Induk UTeM akan melangkah ke arah pembangunan yang lebih berkesan seterusnya dapat meningkatkan kualiti dan prestasi perkhidmatan kepada warga UTeM.

## Pembangunan Projek Fizikal Menggunakan Peruntukan Mengurus

Pembangunan di Kampus Induk UTeM tidak hanya bergantung kepada peruntukan pusat. Bagi memastikan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan memenuhi keperluan semasa Universiti, beberapa projek dilaksanakan menggunakan peruntukan dalaman UTeM.

## Kerja-Kerja Pembinaan Permatang Pelajar Dan Lain-Lain Kerja Berkaitan

Kaedah Perlaksanaan : Konvensional  
Tarikh Siap Pembinaan : 3 Mei 2018



Sasana Niaga, gerbang keusahawanan siswa UTeM



Info  
Ang  
+ 20 ruz

- 20 ruang perlengkapan disediakan di Sasana Niaga berbanding 10 ruang di Permatang

**BERFOKUSKAN** kepada membiasakan penggunaan kertas pada mahasiswa dan kakitangan akademik dan non-akademik segerakan berasal dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menggalakkan Penggunaan Kertas Ramah dan Persekitaran. Sesama Naga di sini bagi memfasilitaskan alir aliran ini.

Menurut Dr. Shahnri, Seseorang Naga merupakan salah satu pelajar yang berada di dalam kerabahan, mengingat mereka dilantik oleh guru. Permatang Pelajar sebelumnya juga turut memperkuatkan kepada perihal pendekatan kepada mahasiswa.

"Prestasiara Seseorang Naga yang cemerlangan pada kali ini adalah lebih baik berbanding Permatang Pelajar yang terdahulu ia kerana ia mensempurnakan keseksyenan pengungkaran dan penlegaraan sempena penyelidikan ruang pemergamaan yang kritis bagi klas dan sesiaw."

"Terdapat 20 lulusan pemergamaan

disediakan berbanding dengan 10 ruang di Pemstingk Raja'. Terdapat lantai dua yang disewakan kepada masyarakat bogor misalnya untuk pertemuan masyarakat dengan sejawatnya bersama-sama 'kutanya'. Sisteme Raja tersebut yang juga memainkan peran dalam operasi pada penghujung Mardjani pernyataan anggaran lebih dari 10 orang perdinga yang telah mulia, memperluas jangkauan di pemukiman tersebut bagi tujuan perserapan pendekatan mereka.

Lokasinya yang aman strategik berhemisfer kawasan tumpukan senjata republik Raja Porositas Pejabat Koperasi Utama Pejabat Pus-

Min dan Kele Polular menjadi antara faktor penggalakkan perburuhuan dalam kerajaan. Pada akhirnya mereka meraih pusingan setengah bagi para mahasiswa untuk mengundurkan urusian jata ber tempoh perni keperluan di kampus.

Malah penyeronjakan yang dilakukan tersebut suatu ciri dalam Pengaruh Pegawai Pengangguran, Ibu, Abdul Wahab Hizam II, Dr. Mohd Rayme Aravang Masing, Timbalan Pengarah Bahagian Perancangan dan Pembangunan, Timbalan Pendarat dan Ketua Menteri, dan Ketua Menteri. Kementerian Kebudayaan dan Sukan, dan MPP UTM, serta meminta kuncir.

Membina Dan Menyiapkan Bangunan Pentadbiran Pusat Islam, Tadika dan Taska

## Kaedah Perlaksanaan : Konvensional

Perunding : Amalina & Yusri Architect Sdn. Bhd.

Tarikh Mula Pembinaan : 7 Jun 2019 (anggaran)

Tarikh Sijau Pembinaan : 6 November 2020 (anggaran)

## Status:

- Permohonan Kebenaran Merancang bersyarat telah diluluskan Pihak Berkuasa Tempatan.
  - Di peringkat penyediaan dokumen tender bagi perolehan kontraktor.



## Lukisan Perspektif



10.0

**GEDUNG ILMU DAN  
INSTITUSI REPOSITORY**

# Gedung Ilmu dan Institusi Repotori

## Repotori Universiti (RU)

Repotori Universiti (RU) adalah satu platform pengumpulan maklumat berbentuk digital secara berpusat dan sistematik bagi keseluruhan bahan yang wujud dan mempunyai nilai di UTeM. RU ini akan menjadi sumber maklumat utama dan pembuktian untuk menyokong Universiti bagi tujuan penganjuran dan penarafan oleh *QS World University Rankings*, *Malaysian Research Assessment Instrument (MyRA)*, Audit Tahunan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi (SETARA) dan Audit Universiti. Selain itu juga bagi keperluan penilaian prestasi akademik menerusi Sistem Penilaian Prestasi Tahunan Akademik (e-PPTA), maklumat penyelidikan di Universiti menerusi *UTeM Research Information System (URIS)*, e-Curriculum Vitae (ECV) sebagai rekod dan proses kenaikan pangkat staf serta lain-lain lagi.

Bagi tahun 2018, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah membangunkan dasar dan peraturan RU yang mana iaanya digubal bagi memberikan penjelasan mengenai matlamat pewujudan RU sebagai satu platform pengumpulan bahan berbentuk digital secara berpusat dan sistematik yang melibatkan setiap pusat tanggungjawab di Universiti ini. Pelaksanaan ini membolehkan perkongsian maklumat itu berlaku dan bahan dapat diakses dengan lebih mudah, cepat dan tepat di bawah satu sistem RU.

## One Stop Centre (OSC) Perpustakaan Laman Hikmah

One Stop Centre (OSC) adalah berkonsepkan kemudahan pusat sehenti di mana Kaunter Sirkulasi Perpustakaan turut menawarkan beberapa perkhidmatan dari Pusat Tanggungjawab (PTj) lain seperti Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO), Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar. OSC telah memulakan operasinya pada 18 Disember 2018.

Ianya merupakan inisiatif sistem penyampaian perkhidmatan penambahbaikan perpustakaan dengan lebih efisien dan komprehensif. OSC ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pengguna khususnya pelajar yang berkunjung ke perpustakaan dapat berurus dengan pelbagai perkhidmatan dari PTj lain di bawah satu bumbung. Ia ternyata menjimatkan masa dan tenaga dalam urusan sehari-hari di kampus.

## Kempen Sumbangan Bahan Bacaan

Kempen bahan bacaan yang bertemakan *Keep A Book Alive* merupakan satu inisiatif yang dilaksanakan bagi memberi peluang kepada warga UTeM untuk berkongsi bahan bacaan serta membudayakan sikap cintakan buku di kalangan masyarakat. Program ini juga adalah salah satu langkah bagi mempelbagaikan lagi koleksi bahan perpustakaan yang sedia ada dan satu jaringan perkongsian maklumat di antara pengguna dan perpustakaan.

Pada tahun 2018, PLH telah mengorak langkah ke hadapan dengan menempatkan kotak-kotak sumbangan bahan di tempat tumpuan orang ramai seperti di Wisma Negeri Melaka, pusat membeli belah Aeon, Ayer Keroh dan Mydin MITC bermula 1 Ogos hingga 30 Ogos 2018. Hebahan program juga telah dibuat melalui surat khabar Melaka Hari ini pada 13 Ogos 2018 bagi tujuan untuk makluman kepada orang ramai berkenaan program tersebut.

**Jadual 32** Jumlah Penerimaan Sumbangan Bahan Bacaan

| Bil | Tempat                    | Jumlah Bahan |           |
|-----|---------------------------|--------------|-----------|
|     |                           | Judul        | Naskah    |
| 1   | Pasaraya Mydin, MITC      | 32           | 32        |
| 2   | Pasaraya Aeon, Ayer Keroh | 5            | 5         |
| 3   | Wisma Negeri, MITC        | 31           | 31        |
|     | <b>JUMLAH</b>             | <b>68</b>    | <b>68</b> |

## Karnival & Pesta Buku Perpustakaan Laman Hikmah 2018

Karnival dan Pesta Buku PLH 2018 ini merupakan kesinambungan daripada Pesta Buku dan Multimedia UTeM 2017 yang telah diadakan pada 26 hingga 29 September 2018 dengan mengekalkan objektif untuk mendapatkan judul-judul bahan rujukan melalui pemilihan bahan di pameran untuk pembelian pada tahun 2019. Penganjuran program pada tahun ini telah berjaya menyumbang keuntungan RM 7,273.95 kepada penjanaan pendapatan Universiti.

## Lawatan Delegasi *International Federation of Library Association and Institution (IFLA)* ke Perpustakaan Laman Hikmah UTeM

*World Library and Information Congress (WLIC)* merupakan persidangan tahunan antarabangsa terbesar dan paling berprestij yang telah mengumpulkan golongan profesional dalam sektor perpustakaan dan perkhidmatan maklumat dan disertai lebih kurang 4,000 peserta dari seluruh dunia. Persidangan ini membincangkan lebih daripada 200 kertas kerja berkaitan pelbagai isu dalam bidang perpustakaan dan perkhidmatan maklumat yang mana diterjemahkan secara serentak dalam tujuh (7) bahasa iaitu Bahasa Inggeris, Arab, Mandarin, Perancis, Jerman, Rusia dan Sepanyol.

Sempena persidangan tahunan tersebut, turut diadakan lawatan ke beberapa perpustakaan di Malaysia yang mana PLH telah dipilih menjadi salah satu destinasi bagi tujuan lawatan delegasi IFLA bersempena dengan WLIC 2018 yang ke-84. Penganjuran persidangan yang bertemakan “*Transform Libraries Transform Societies*” bertujuan untuk berkongsi dan menyalurkan maklumat terkini, idea dan inovasi dalam bidang perpustakaan dan pengurusan maklumat dari pelbagai bidang kepakaran serta memanfaat sumber jaringan tersebut dalam usaha membangun masyarakat berilmu pengetahuan.

## Seminar Penulisan Viral @ Media Sosial

Perpustakaan Laman Hikmah turut menganjurkan Seminar Penulisan ini dengan menjemput pakar dalam penulisan viral bagi berkongsi kepakaran dan pengalaman dalam memanfaatkan penggunaan media sosial secara bijak, meningkatkan kemahiran dan penulisan di media sosial, memberi tips dalam membuat ulasan isu *trending*, viral, tips penulisan sosial *content* dan lain-lain.

Seminar ini telah berlangsung pada 14 Mei 2018 bertempat di Auditorium, Canselori UTeM dan telah disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Tuan Wan Khairul Hakimin Bin Haji Wan Muhammad.

## Laporan Penerbitan UTeM

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah dipertanggungjawabkan untuk menyediakan maklumat penerbitan staf UTeM di Scopus dan Web of Science (WoS). Data penerbitan ini merangkumi jurnal terindek Scopus dan WoS. Bilangan penerbitan bagi tahun 2018 adalah sebanyak 861 judul berbanding dengan 641 judul bagi tahun 2017, iaitu peningkatan sebanyak 220 judul (34%).

**Jadual 33** Penerbitan Jurnal

|                       | 2017       | 2018       | Pencapaian |
|-----------------------|------------|------------|------------|
| <b>Web of Science</b> | 30         | 31         | 1          |
| <b>SCOPUS</b>         | 611        | 830        | 219        |
| <b>JUMLAH</b>         | <b>641</b> | <b>861</b> | <b>220</b> |



**11.0**

**PENGURUSAN INFRASTRUKTUR  
DAN INFOSTRUKTOR ICT**

# 11.0 Pengurusan Insfrastruktur dan Infostruktur ICT

## Kampus Tanpa Tunai

Pelaksanaan kampus pintar mewujudkan konsep ekonomi pintar selari dengan usaha Kementerian Pendidikan Tinggi ke arah mengadaptasikan teknologi digital dalam pendidikan tinggi negara.

Konsep kampus tanpa tunai yang akan dilaksanakan ini bertujuan untuk memudahkan kakitangan dan pelajar melaksanakan transaksi pembelian di dalam kampus UTeM dengan lebih mudah dan selamat. Pendekatan ini selari dengan perkembangan teknologi terkini yang dilihat menjadi trend dan ianya sinonim di kalangan generasi digital masa kini.

Kerjasama dengan Bank Islam dengan memperkenalkan Kad Unidebit Bank Islam di kalangan pelajar dan kakitangan UTeM. Kad Unidebit Bank Islam adalah merupakan sebuah kad yang digunakan sebagai kad matrik bagi pelajar atau sebagai kad staf bagi kakitangan UTeM. Kelebihan kad ini ianya boleh digunakan dalam transaksi perbankan dan pembelian di kampus UTeM.

Pelaksanaan kad Unidebit yang mempunyai pelbagai fungsian utama iaitu :-

- a. Kad Bank (*Debit Card*)
  - Transaksi pembayaran
  - Pengeluaran wang
- b. Kad ID
  - Rekod kehadiran
  - Kawalan keselamatan keluar masuk (*access door*)
- c. Kegunaan di perpustakaan

Pelaksanaan pembayaran tanpa tunai :-

- a. Kaunter perkhidmatan pembayaran universiti (wajib)
- b. Kafeteria (digalakkan)
- c. Outlet (digalakkan)

Terminal (machine cashless) disediakan di lokasi untuk menyokong inisiatif ini.



## Aplikasi Pintar myUTeM


"myUTeM" merupakan sebuah aplikasi pintar yang dibangunkan oleh PPPK dan telah mula digunakan bermula Jun 2018. Antara modul yang telah dibangunkan adalah:

1. Perakam Waktu
2. Maklumat Staf
3. Kehadiran Majlis Rasmi




Rajah 11 Menu-menu utama bagi staf

Bagi modul Perakam Waktu, staf UTeM kini boleh merekod kehadiran masuk dan keluar dengan menggunakan myUTeM, tanpa perlu mengimbas kad staf di pintu masuk pejabat.



Rajah 12 Paparan skrin perakam waktu (kiri) dan pemakluman rekod berjaya disimpan (kanan)

Pengguna perlu mengaktifkan fungsi GPS serta mempunyai capaian ke internet dan aplikasi ini akan mengenalpasti lokasi pengguna. Pengguna hanya boleh merekod masuk sekiranya berada di dalam kawasan kampus yang telah ditetapkan. Sekiranya pengguna cuba untuk merekod kehadiran tanpa memenuhi kedua-dua kriteria ini, aplikasi akan memberi makluman bahawa proses merekod tidak berjaya.



**Rajah 13** Pemakluman sekiranya pengguna merekod kehadiran di kampus yang bukan lokasi pejabatnya berada (kiri) dan pemakluman peranti tidak mempunyai capaian internet dan fungsi GPS tidak diaktifkan. Penggunaan myUTeM juga akan diperluaskan lagi untuk kegunaan kepada pelajar-pelajar UTeM pada masa akan datang


## UTeM Unified Communication (UTeM UC)

UTeM *Unified Communication* atau dikenali sebagai “UTeM UC” ini merupakan bentuk komunikasi secara atas talian dengan menggunakan teknologi *voice over internet protocol* (*VoIP*) yang mengandungi beberapa elemen penting yang terdiri daripada *voice communication*, *video conferencing*, *electronic fax* dan *system administration*.

Inisiatif ini telah diambil dengan mengambil kira penjimatan kos dan penggunaan pada tahap yang lebih optimum di samping meningkatkan keberkesanan komunikasi dari sudut pengurusan dan pentadbiran universiti.

Kemudahan ini juga boleh meningkatkan ruang kepada aktiviti pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan secara borderless kepada semua jenis pelajar dan penyelidik menerusi sistem *telepresence* dan *virtual classroom*.

Melalui sistem *video conferencing* ini, ianya memudah dan mempercepatkan panel pemilihan dalam proses interview dan memilih calon tenaga pengajar dan calon pelajar. Elemen E-fax secara berpusat membolehkan dokumen yang dihantar dan diterima diuruskan dengan lebih baik dan mengelakkan daripada berlaku kehilangan maklumat.



Rajah 14 UTeM Unified Communication

## Pengiktirafan Pematuhan Saga Bagi Sistem Aplikasi Perakaunan Dan Kewangan UTeM

Penilaian telah dijalankan oleh Jawatankuasa Pematuhan SAGA (JKPS), Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada 19 November 2018 yang lalu, UTeM telah berjaya mendapat pengiktirafan pematuhan SAGA (*Standard Accounting System for Government Agencies*) bagi sistem aplikasi perakaunan dan kewangan Universiti iaitu Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) melalui surat JANM bertarikh 28 Januari 2019.

SMKB merupakan sebuah sistem kewangan yang dibangunkan secara *in house* oleh pasukan Infostruktur, Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK).

UTeM merupakan agensi ke-10 yang melalui Penilaian Jawatankuasa Pematuhan SAGA bagi tahun 2018 dan merupakan universiti awam yang kesebelas di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia - Pendidikan Tinggi yang berjaya memperolehi pengiktirafan pematuhan SAGA.



*Jabatan Akauntan Negara Malaysia*  
*Dengan Ini Menganugerahkan*

**PENGIFTIRAFAN PEMATUHAN  
SAGA**

*Kepada*

**UNIVERSITI TEKNIKAL  
MALAYSIA MELAKA**

*Pada*

**29 NOVEMBER 2018**

**DATUK SAAT BIN ESA C.A.(M)**  
**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

## Pensijilan Semula ISMS (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat)

UTeM telah memperoleh Pensijilan Semula ISMS (Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat) di bawah standard ISO / IEC 27001:2013 Information Security Management Systems bagi tempoh selama tiga (3) tahun mulai 25 Oktober 2016 hingga 24 Oktober 2019 dengan No Pensijilan AR 5989.

Skop pensijilan adalah Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Pengurusan dan Pengoperasian Sistem Maklumat Utama UTeM Merangkumi Sistem Maklumat Pelajar (SMP).







12.0

**KECEMERLANGAN MAHASISWA  
& PEMERKASAAN HOLISTIK**

## 12.0 Kecemerlangan Mahasiswa & Pemerkasaan Holistik


### Kecemerlangan Mahasiswa

Sepanjang tahun 2018 Pejabat Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (HEP) telah melaksanakan sebanyak 293 buah program / aktiviti pelajar daripada pelbagai kelab / persatuan / sekretariat / badan beruniform dan anjuran luar yang merangkumi enam (6) aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) iaitu kemahiran memimpin, kemahiran berfikir, pengetahuan, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional.

Penglibatan seramai 29,710 orang pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan melalui persatuan / kelab / sekretariat / badan beruniform yang dianggotai oleh pelajar UTeM dan juga dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan swasta (pihak industri) atau komuniti setempat.

Penglibatan pelajar dalam kegiatan berpersatuan berupaya meningkatkan kemahiran pelajar dalam pengurusan organisasi, berkomunikasi, kepimpinan dan jati diri bagi membentuk pelajar yang holistik, seimbang akademik dan kokurikulum, berdaya saing serta mampu menyerlahkan diri di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

**Jumlah Pelajar Hadir Mengikut Kategori Program  
Januari – Disember 2018**



**Rajah 15** Pecahan aktiviti yang dijalankan bagi kecemerlangan mahasiswa mengikut kategori

## Sasana Niaga Suntik Budaya Keusahawanan

Bagi mewujudkan persekitaran dan suntikan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar maka UTeM telah membina ruang Sasana Niaga untuk para pelajar melakukan aktiviti perniagaan. Konsep pelaksanaan perniagaan ini adalah dikendalikan sendiri secara sepenuhnya oleh kelab dan persatuan pelajar seperti Majlis Perwakilan Pelajar, Sekretariat Rakan Integriti (SRIM), Persatuan Society Manufacturing Engineer (SME), Kelab Sahabat YADIM, Kelab Keusahawanan, Kelab MyAgrosis, KOSISWA, Pusat Pembangunan Perusahaan & Teknousahawan (CREATE), Kelab Badan Dakwah dan Rohani (BADAR), Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan Kelab Gabungan Persatuan Mahasiswa Semenanjung (GPMS).

## Sasana Niaga Suntik Budaya Keusahawanan

Bagi mewujudkan persekitaran dan suntikan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar maka UTeM telah membina ruang Sasana Niaga untuk para pelajar melakukan aktiviti perniagaan. Konsep pelaksanaan perniagaan ini adalah dikendalikan sendiri secara sepenuhnya oleh kelab dan persatuan pelajar seperti Majlis Perwakilan Pelajar, Sekretariat Rakan Integriti (SRIM), Persatuan Society Manufacturing Engineer (SME), Kelab Sahabat YADIM, Kelab Keusahawanan, Kelab MyAgrosis, KOSISWA, Pusat Pembangunan Perusahaan & Teknousahawan (CREATE), Kelab Badan Dakwah dan Rohani (BADAR), Kelab Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) dan Kelab Gabungan Persatuan Mahasiswa Semenanjung (GPMS).

**Jadual 34** Penyertaan para atlet UTeM bagi kejohanan sukan dalam dan luar negara

| Bil. | Nama                     | Sukan    | Mewakili       | Program   | Tarikh               | Pencapaian  |
|------|--------------------------|----------|----------------|---|----------------------|---|
| 1    | Rachel Lee Kei En        | Rowing   | Malaysia (KPM) | Sukan Universiti Asean, Myanmar 2018  | 9 – 21 Disember 2018 | Single – Tempat ke 4<br>Boat 8 – Tempat ke 3          |
| 2    | Siti Hajar binti Ibrahim | Rowing   | Malaysia (KPM) | Sukan Universiti Asean, Myanmar 2018  | 9 – 21 Disember 2018 | Dragon Boat – Tempat ke 4<br>Boat 8 – Tempat ke 3     |
| 3    | Anis Amira binti Basri   | Petanque | Malaysia (KPM) | Sukan Universiti Asean, Myanmar 2018  | 9 – 21 Disember 2018 | Shooting – Tempat ke 4<br>Triple – Peringkat Kumpulan |
| 4    | Anis Amira binti Basri   | Petanque | Malaysia       | 2 <sup>nd</sup> Asian Petanque Championship Triple & Shooting for Women & Junior 2018, Kuala Lumpur | 13 – 17 Julai 2018   | Triple - Gangsa                                       |

| Bil. | Nama                             | Sukan            | Mewakili                    | Program   | Tarikh                 | Pencapaian                               |
|------|----------------------------------|------------------|-----------------------------|---|------------------------|--|
| 5.   | Lukman Arif bin Mohd Kamal       | Rowing           | Malaysia (PST Rowing) ASEAN | Varsity Boat Race 2018, Bukit Merah Laketown Resort | 2 – 6 Oktober 2018     | Mens Double Lightweight – Emas Mens 8+ - |
| 6.   | Hamdanwahid bin Rinaldi          | Taekwon do       | Malaysia (Melaka)           | Daejon MBC Cup Seochun International Open Taekwondo | 16 – 19 Ogos 2018      | Kyorugi (Welter Weight) – Gangsa         |
| 7.   | Muhammad Marzuqi bin Abdul Malek | Taekwon do       | Malaysia (Melaka)           | Championship, Korea, 2018                           |                        | Kyorugi (Light Weight) – Suku Akhir      |
| 8.   | Nor Aidil Hafiz bin Abdul Karim  | Taekwon do       | Malaysia (Melaka)           | 7th ITF Taekwondo World Cup 2018, Sydney Australia  | 25 – 30 September 2018 | Kyorugi (Fin Weight – Gangsa)            |
| 9.   | Pavitra d/o Anandarao            | Taekwon do (ITF) | Malaysia (Pulau Pinang)     |   |                        | Sparring – Perak Persembahan - Gangsa    |

## Penganjuran Higher Education Sports Fest (HESF) 2018

Higher Education Sports Fest (HESF) 2018 julung kali dianjurkan pada tahun 2018 dan UTeM telah terpilih serta dilantik sebagai *Host Venue*. Karnival sukan berprestij ini telah berlangsung pada 25 hingga 28 Julai 2018 dan menerima penyertaan seramai 580 atlet dari kalangan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta dengan lima (5) acara utama yang dipertandingkan iaitu ping pong, petanque, olahraga, golf dan renang.

Kontingen UTeM berjaya meraih satu (1) pingat perak dan dua (2) pingat gangsa melalui acara olahraga menerusi Syed Fazeel Shah bin Syed Anwar Shah bagi acara 400 meter lari berpagar (pingat perak) manakala Nur Amiera Fazlin binti Kamarudin bagi acara melontar peluru (pingat gangsa) dan melempar cakera (pingat gangsa).

## Penganjuran Kejohanan Sukan Tahunan Antara Universiti Malaysia – Thailand (MASTHAI) 2018

Berteraskan kepada semangat kesukanan dan jalinan silaturrahim antara dua (2) buah negara maka Kejohanan Sukan Tahunan Antara Universiti Malaysia – Thailand (MASTHAI) telah diadakan pada 6 hingga 10 September 2018 di Kampus Induk UTeM. MASTHAI telah menyaksikan beberapa acara sukan yang dipertandingkan seperti ping pong, petanque dan sepak takraw manakala aktiviti rekreasi pula adalah *treasure hunt* yang dilangsungkan sekitar Bandar Hilir, Melaka. Lainya telah melibatkan penyertaan seramai 150 orang atlet yang merangkumi 63 orang atlet Malaysia dan 87 orang atlet dari Thailand.

## Penganjuran Varsity Cycling Challenge (VCC) 2018

**Varsity Cycling Challenge (VCC) 2018** merupakan acara tahunan anjuran UTeM dan pada kali ini telah diadakan pada 3 dan 4 November 2018 bertempat di Kampus Induk UTeM dan kawasan sekitar dengan melibatkan penyertaan seramai 162 orang peserta dari kalangan institusi pendidikan tinggi dalam dan luar negara termasuklah lima (5) orang peserta dari Universiti Teknologi Brunei.

### Jadual 35 Pencapaian UTeM dalam Varsity Cycling Challenge 2018

| Kategori Lebuhraya Staf IPT Lelaki Terbuka (44.8 KM)       |  |          |
|--|--|----------|
| 1. Tempat ke-4   | Mohd Hairi Bin Abd Jalil                           | 01:11:41 |
| Kategori Lebuhraya Individu Pelajar Wanita IPT (33.6 KM)   |  |          |
| 2. Tempat ke-5   | Ain Syuhadah                                       | 01:03:37 |
| Kategori Lebuhraya Individu VIP (33.6 KM)                  |  |          |
| 3. Tempat ke-4   | Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Bin Sahib              | 01:01:56 |
| Kategori Lebuhraya Berpasukan Pelajar Wanita IPT (33.6 KM) |  |          |
| 4. Tempat ke-2   | Ain Syuhadah<br>Hasimah Binti Ismail<br>Nurul Aina | 3:20:34  |

## Anugerah Hijau Peringkat Negeri Melaka 2018

Pusat Kesihatan UTeM telah berjaya memenangi pingat perak bagi kategori Pembudayaan Hijau menerusi program Anugerah Hijau Peringkat Negeri Melaka 2018 yang telah dianjurkan oleh Perbadanan Teknologi Hijau Melaka.

## Majlis Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) 2017

Majlis ini mencatatkan rekod yang membanggakan apabila telah menerima pengiktirafan oleh MAKUM dan KPM berdasarkan kepada pencapaian kejayaan dan kecemerlangan pertandingan-pertandingan dan festival-festival yang dianjurkan di peringkat MAKUM sepanjang tahun 2017.

### Jadual 36 Empat (4) Anugerah telah diperolehi oleh UTeM

| Bil. | Anugerah   | Pemenang  |
|------|--|---|
| 1    | Anugerah Gong Kencana<br>(Pegawai yang cemerlang dalam seni dan budaya)                    | Encik Shahrulfadli bin Yahaya (Pegawai Kebudayaan)  |
| 2    | Anugerah Bonang Emas Kategori Lelaki<br>(Individu yang cemerlang dalam seni dan budaya)    | Mohd Azamuddin bin Ali (Pelajar)  |
| 3    | Anugerah Bonang Emas Kategori Perempuan<br>(Individu yang cemerlang dalam seni dan budaya) | Nurdiyana binti Deris (Pelajar)   |
| 4    | Anugerah Gambang Mustika<br>(Persatuan Seni Terbaik)                                       | Kelab Kasawari UTeM diwakili oleh Muhammad Amirul Hakimi bin Ismail (Pelajar), Presiden Kelab KASAWARI UTeM |

## Misi Sukarelawan Siswa YSS - MOES KE LAO PDR

Pelajar UTeM turut sama menyertai Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS) bersama dengan 50 pelajar dari pelbagai institusi pendidikan tinggi seluruh Malaysia telah bergabung dengan 50 pelajar Universiti Souphanouvong dalam menjayakan Misi Sukarelawan Siswa YSS – MoES (Kementerian Pendidikan dan Sukan) di Luang Prabang, Lao PDR pada 19 April hingga 8 Mei 2018. Aktiviti sebegini turut menyerahkan pelajar dari UTeM dalam mencerah bakti sesama manusia di luar sempadan antarabangsa.

## UTeM Merangkul Tiga (3) Anugerah Utama Pertandingan Festival Teater Pengisahan Kemanusiaan (Theater Of Pattern) MAKUM 2018

Festival Teater Pengisahan Kemanusiaan (Theater Of Pattern) MAKUM 2018 anjuran Universiti Sains Malaysia (USM) dengan kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah dianjurkan pada 23 hingga 24 Februari 2018. Ianya merupakan satu pertandingan yang mengenangkan medium baharu untuk berteater iaitu melalui ‘Street Theatre’ atau teater jalanan di samping memberi peluang kepada para peserta terlibat bagi menimba ilmu kesenian dengan lebih dalam lagi.

Walaupun melalui cabaran bertanding bersama 16 penyertaan Universiti Awam Malaysia yang lain namun UTeM bersemangat dengan naskah ‘Merekah Bumi Shatilla’ karya Shahrulfadli Bin Yahaya (Pegawai Kebudayaan UTeM) dan UTeM berjaya merangkul tiga (3) anugerah utama iaitu:

- (i) Anugerah Pengarah Terbaik.
- (ii) Anugerah Skrip Terbaik
- (iii) Johan Keseluruhan (Theatre Of Pattern) MAKUM 2018

A photograph showing several pairs of hands from different ethnicities working together to assemble a white jigsaw puzzle on a light-colored wooden table. The hands are positioned in the foreground and middle ground, with some hands reaching across the frame to place puzzle pieces. The background is slightly blurred, showing more of the table and what might be a professional setting like an office or conference room.

13.0

## PENGURUSAN BAKAT

## 13.0 Pengurusan Bakat

### Statistik Staf

Sehingga 31 Disember 2018, jumlah waran yang diluluskan oleh Agensi Pusat adalah sebanyak 2,045 jawatan merangkumi jawatan Pengurusan Utama, jawatan Akademik, jawatan Pentadbiran bagi Pengurusan dan Profesional manakala selebihnya jawatan Pentadbiran kategori Kumpulan Pelaksana. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 2066 jawatan telah diisi secara tetap, kontrak dan sementara.

Jadual di bawah menunjukkan waran dan pengisian bagi tahun berakhir 31 Disember 2018:

**Jadual 37** Waran dan Perjawatan Sehingga 31 Disember 2018

| Kumpulan                 | Bil. Waran  | Bilangan Pengisian Mengikut Status |            | Isi         | Baki       |
|--------------------------|-------------|------------------------------------|------------|-------------|------------|
|                          |             | Tetap                              | Kontrak    |             |            |
| Pengurusan Utama         | 4           | 4                                  | 0          | 4           | 0          |
| Akademik                 | 916         | 854                                | 20         | 874         | 62         |
| Pengurusan & Profesional | 188         | 180                                | 29         | 209         | 8          |
| Pelaksana                | 937         | 907                                | 72         | 979         | 30         |
| <b>JUMLAH</b>            | <b>2045</b> | <b>1945</b>                        | <b>121</b> | <b>2066</b> | <b>100</b> |

**Jadual 38** Statistik Staf Aktif Akademik Universiti 2018

| Jawatan              | Gred | Jumlah Keseluruhan |
|----------------------|------|--------------------|
| Profesor Gred Khas A | VK5  | 5                  |
| Profesor Gred Khas B | VK6  | 4                  |
| Profesor Gred Khas C | VK7  | 23                 |
| Profesor Madya       | DS54 | 84                 |
| Profesor Madya       | DS53 | 5                  |
| Pensyarah Kanan      | DS52 | 321                |
| Pensyarah Kanan      | DS51 | 49                 |
| Pensyarah            | DS45 | 319                |
| <b>JUMLAH</b>        |      | <b>810</b>         |

### Staf Akademik

Seramai 421 orang pensyarah berkhidmat di universiti yang berkelayakan PhD sekaligus menjadikan peratusan pensyarah berkelayakan PhD adalah sebanyak 48% pada tahun 2018. Peningkatan peratusan pensyarah berkelayakan PhD adalah hasil daripada usaha dan strategi Universiti melalui staf baru berkelayakan PhD dan peningkatan staf sedia ada yang lulus peringkat PhD di bawah Skim Cuti Belajar. Jadual di bawah menunjukkan pecahan dan peratusan pensyarah berkelayakan PhD bagi tahun 2018.

### Jadual 39 Statistik Pensyarah Berkelayakan PhD Tahun 2016 – 2018

| Tahun | PhD / Jumlah Akademik | %  |
|-------|-----------------------|----|
| 2016  | 341/900               | 38 |
| 2017  | 375/814               | 46 |
| 2018  | 421/878               | 48 |

### Modul Integrasi Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS)

Bahagian Sumber Manusia (BSM) Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi (PPPK) telah membangunkan modul Integrasi HRMIS sebagai medium pengemaskinian data dari Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) UTeM ke pangkalan data HRMIS. Medium ini membolehkan pengemaskinian data dilakukan dengan cepat dan dipantau secara online. Di antara data yang terlibat seperti rekod peribadi, alamat, anugerah, bahasa, pendidikan dan skim perkhidmatan.

#### Antaramuka Modul Integrasi HRMIS UTeM


The screenshot shows the 'PROSES DATA HRMIS' section of the HRMIS integration module. It displays a table of recent processes with columns for Bil (Index), Nama Table (Table Name), Proses (Process), Hantar (Send), and Tarikh Terkini (Proses) (Last Process Date). The table contains 18 rows of data, each representing a different table and its last process date.

| Bil | Nama Table   | Proses | Hantar | Tarikh Terkini (Proses) |
|-----|--|--------|--------|-------------------------|
| 1   | Rekod Peribadi - (tblPRCOBiodata)                    | Proses | Hantar | 2/14/2019 1:03:10 PM    |
| 2   | Alamat - (tblPRAddr)                                 | Proses | Hantar | 2/14/2019 1:03:28 PM    |
| 3   | Akaun - (tblPRAcc)                                   | Proses | Hantar | 12/5/2018 10:06:05 AM   |
| 4   | Anugerah - (tblPRAwrd)                               | Proses | Hantar | 1/3/2019 3:25:21 PM     |
| 5   | Kecacatan - (tblPRDisability)                        | Proses | Hantar | 12/5/2018 10:06:46 AM   |
| 6   | Pendidikan - (tblPREduAch)                           | Proses | Hantar | 12/5/2018 10:07:00 AM   |
| 7   | Keluarga - (tblPRFmy)                                | Proses | Hantar | 12/5/2018 10:07:31 AM   |
| 8   | Bahasa - (tblPRLangSkill)                            | Proses | Hantar | 12/5/2018 10:18:15 AM   |
| 9   | Lesen - (tblPRLic)                                   | Proses | Hantar | 12/5/2018 10:28:39 AM   |
| 10  | Sejarah Perubatan - (tblPRMedHis) (Tiada Dalam SMSM) | Proses | Hantar | 12/5/2018 10:29:20 AM   |
| 11  | Passport - (tblPRPassport)                           | Proses | Hantar | 12/5/2018 10:29:50 AM   |
| 12  | Perstataan - (tblPRProfAssoc)                        | Proses | Hantar | 1/8/2019 3:38:52 PM     |
| 13  | Permit Kerja - (tblPRWrkPermit) (Tiada Dalam SMSM)   | Proses | Hantar | 1/8/2019 11:08:18 PM    |
| 14  | Status Lantikan - (tblRSCOApmtStatus)                | Proses | Hantar | 1/8/2019 10:19:39 AM    |
| 15  | Skim Perkhidmatan - (tblRSCOSchmOfServ)              | Proses | Hantar | 8/3/2018 4:07:37 PM     |
| 16  | Pihak Berkusa Melantik - (tblRSCOApptAthy)           | Proses | Hantar | 1/8/2019 3:38:52 PM     |
| 17  | Ketua Perkhidmatan - (tblRSCOHeadOfServ)             | Proses | Hantar | 1/8/2019 3:39:11 PM     |
| 18  | Status Perkhidmatan - (tblRSCOServStatus)            | Proses | Hantar | 1/8/2019 3:39:11 PM     |

### Sistem DASHBOARD – Paparan Maklumat Terkini

Universiti telah mengambil inisiatif membangunkan sistem Dashboard untuk capaian yang cepat, tepat, terkini dan mudah dilayari dengan menggunakan pelayar web. Maklumat penting yang boleh diperolehi ialah antaranya jumlah staf, taburan perjawatan, bilangan pelajar dan lain-lain.

## Antaramuka Dashboard UTeM



## Laluan Kerjaya Akademik Pelbagai

Kecemerlangan Bakat dalam lonjakan kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) memberi lebih perhatian kepada pembinaan dan pembangunan bakat cemerlang komuniti akademik di institusi pengajian tinggi untuk menjadi pendidik yang berinspirasi, penyelidik terbilang dan pemimpin bertransformasi sebagai persediaan melahirkan modal insan yang berkualiti. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, dasar Laluan Kerjaya Akademik Pelbagai (LKAP) telah diluluskan di bawah Mesyuarat Senat pada Januari 2018.

Terdapat empat (4) LKAP yang diwujudkan di Universiti seperti berikut:-

- Pendidik;
- Penyelidik;
- Pengamal Profesional;
- Pemimpin Institusi.

## Program Pelan Pembangunan Individu

- Universiti telah membangunkan Pelan Pembangunan Individu (PPI) atau Individual Development Plan (IDP) sejajar dengan arus perdana pengajian tinggi yang memberi fokus kepada kualiti, daya saing, kreativiti dan inovasi.
- Model Kompetensi PPI / IDP UTeM yang dibangunkan adalah merujuk kepada dokumen-dokumen rasmi Universiti iaitu Pelan Strategik 2012-2020, Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) 2015-2025, Visi dan Misi serta Nilai-Nilai Teras termasuklah 6 Teras Strategik UTeM.
- Bagi memastikan 11 kompetensi yang dibangunkan dapat dinilai dan diukur, 40 ahli task force yang merupakan staf Universiti



telah dipilih dan dilantik yang terdiri daripada ahli-ahli akademik serta wakil setiap skim Pengurusan dan Profesional dalam membangunkan Deskripsi Perilaku, Modul Kompetensi, Elemen dan Kaedah Penilaian seterusnya pembangunan soalan penilaian.


Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar selaku pengajur dan urus setia PPI / IDP UTeM telah melaksanakan penilaian PPI / IDP kepada Pentadbir Gred 41 dan 44. 58 staf daripada gred 41 telah memiliki Profile Kompetensi PPI/IDP manakala 25 orang staf gred 44 masih dalam proses melengkapkan tugas kompetensi yang akan berakhir pada 30 Jun 2019.

## Biasiswa Akademik

### Penghantaran Staf Cuti Belajar dan Staf Yang Berjaya Memperoleh Ijazah Doktor Falsafah


Bagi tahun 2018 seramai 21 orang staf telah melanjutkan pengajian Ijazah Doktor Falsafah ke Universiti dalam dan luar Negara. Rajah di bawah adalah pecahan staf akademik yang melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Doktor Falsafah mengikut fakulti bagi tahun 2018.

## PENGHANTARAN STAF MENGIKUTI PENGAJIAN PhD DI DALAM DAN LUAR NEGARA



**Rajah 16** Penghantaran Staf Mengikuti Pengajian Ijazah Doktor Falsafah Di Dalam dan Luar Negara

Manakala pada tahun 2018, staf yang berjaya memperolehi Ijazah Doktor Falsafah adalah seramai 45 orang staf. Rajah di bawah menunjukkan staf yang berjaya Ijazah Doktor Falsafah mengikut fakulti.



**Rajah 17** Bilangan Staf UTeM yang berjaya Memperolehi PhD


### Fast Track To Chartered Engineer (C.ENG.) Program

Bagi merealisasikan misi UTeM untuk melahirkan ahli profesional di kalangan staf akademik di samping dapat meningkatkan bilangan staf akademik dengan gelaran Jurutera Profesional / setara dengannya selaras dengan kehendak EAC dan juga MyRA maka *Fast Track To Chartered Engineer (C.Eng.)* Program telah dilaksanakan bermula pada bulan Februari 2017 sehingga 2018 masih lagi berjalan dengan tersusun. Program ini juga dapat membantu meningkatkan bilangan Jurutera Profesional (Ir.).

| No.                | Fakulti | Tahun / Bilangan Staf |      |      |      |      |      |      |      |      | Jumlah Staf |
|--------------------|---------|-----------------------|------|------|------|------|------|------|------|------|-------------|
|                    |         | 2010                  | 2011 | 2012 | 2013 | 2014 | 2015 | 2016 | 2017 | 2018 |             |
| 1                  | FKE     | 2                     |      | 1    |      |      | 1    |      | 3    | 6    | 13          |
| 2                  | FKEKK   |                       |      |      | 1    |      |      | 1    | 1    | 1    | 4           |
| 3                  | FKM     | 2                     |      |      |      | 1    |      |      | 1    |      | 4           |
| 4                  | FKP     | 2                     |      | 1    |      |      | 1    | 3    |      | 4    | 11          |
| 5                  | FTKMP   |                       |      |      |      |      |      | 3    |      |      | 3           |
| 6                  | FTKEE   | 1                     |      |      | 2    |      | 1    |      | 1    |      | 5           |
| Jumlah Keseluruhan |         | 7                     | 0    | 2    | 3    | 1    | 3    | 7    | 6    | 11   | 40          |

**Jadual 40** Jumlah Staf Yang Memperoleh Pengiktirafan Sebagai Jurutera Profesional (P.Eng./ Ir.) Sehingga 31 Disember 2018

Seramai 100 orang staf akademik dari FKEKK, FKE, FKM, FKP dan FTK telah mengikuti program ini bagi memperoleh pengiktirafan sebagai C.Eng. 52% orang staf telah berjaya memperoleh pengiktirafan C.Eng. dan 48% lagi sedang dalam memperoleh C.Eng. pada tahun 2019.



**Rajah 18** Staf yang mengikuti Fast Track to Chartered Engineer

## Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik

Skim Cuti Belajar Staf Bukan Akademik (SCuBBA) merupakan insentif dalam bentuk pemberian biasiswa melanjutkan pengajian kepada kakitangan pentadbiran yang telah banyak menyumbang kepada pembangunan universiti di samping menyerlahkan bakat dalam kalangan golongan ini.

Penawaran kuota skim ini pada tahun 2018 adalah sebanyak lapan (8) kuota dengan pecahan tiga (3) kepada Kumpulan Pengurusan & Profesional dan lima (5) kuota kepada Kumpulan Pelaksana.

## Latihan Dan Penjanaan

Bahagian Pembangunan Bakat (BPB) melalui Unit Latihan dan Penjanaan telah diamanahkan untuk melaksanakan program-program latihan bagi membangunkan kompetensi staf. Penerapan elemen *Emotional Quotient* (EQ), *Intellectual Quotient* (IQ) dan *Spiritual Quotient* (SQ) terus menjadi teras latihan bagi melahirkan staf yang seimbang.

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 81 kursus anjuran Unit Latihan dan Penjanaan yang merangkumi kompetensi umum (generik) dan khusus (fungsional) telah dilaksanakan dengan penyertaan 2836 staf. Manakala sebanyak 303 penyertaan kursus anjuran agensi luar yang melibatkan seramai 540 orang staf. Secara keseluruhannya 99.03% staf telah berjaya memenuhi jumlah jam latihan.

### UNIT LATIHAN DAN PENJANAAN

99.03 PERATUS STAF TELAH BERJAYA MEMENUHI JAM LATIHAN



## Digital Document Management System 2.0 (DDMS)

*Digital Document Management System 2.0 (DDMS)* adalah satu sistem pengurusan rekod elektronik kerajaan yang diperkenalkan oleh MAMPU pada 2014.

Projek ini merupakan salah satu daripada insiatif di bawah *National Key Economics Area (NKEA), Communications, Content and Infrastructure (CCI), Entry Point Project (EPP) 6, e-Government – Paperless Government*.

MAMPU - Pembangun Sistem Arkib Negara Malaysia - pakar rujuk dalam bidang pengurusan rekod

Mesyuarat Eksekutif Bil. 7/2018 bertarikh 6 Ogos 2018 telah meluluskan cadangan pelaksanaan pengurusan rekod elektronik (DDMS) oleh MAMPU

### Objektif DDMS

- Meningkatkan kecekapan capaian kepada maklumat dan ketelusan pentadbiran
- Meningkatkan kawalan rekod khususnya UTeM dan amnya Sektor Awam secara lebih sistematik
- Memelihara memori institusi negara
- Meningkatkan sistem penyampaian kerajaan

### Faedah Dalam Operasi

- Pematuhan prosedur Pengurusan Rekod
- Rekod dapat diakses dengan cepat
- Pemantauan ke atas minit arahan
- Mengatasi kelewatan terimaan surat
- Mengatasi isu kehilangan surat
- Any time, any where and any device

### Pra-Syarat Pelaksanaan DDMS



### Pensijilan MS ISO 9001:2015 Pejabat Pendaftar

Pejabat Pendaftar di bawah skop pengurusan dan pembangunan sumber manusia telah berjaya mendapat pensijilan semula dan pengiktirafan MS ISO 9001:2015 pada tahun 2017. Oleh yang demikian, Audit Pemantauan bagi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 Pejabat Pendaftar telah dilaksanakan pada 7 & 8 November 2018 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Berdasarkan dapatan audit tersebut, tiada NCR dilaporkan dan hanya dua (2) peluang penambahbaikan yang telah dicadangkan oleh pihak auditor. Sehubungan itu, sekretariat ISO Pejabat Pendaftar telah mengambil maklum dan tindakan terhadap peluang penambahbaikan yang telah dicadangkan bagi persediaan audit pemantauan yang seterusnya bagi tahun 2019.





14.0

PRESTASI DAN LAPORAN  
**KEWANGAN**


# LAPORAN KEWANGAN

## KESELURUHAN

Pendapatan UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 berjumlah RM391.01 juta berbanding dengan RM368.92 juta bagi tahun 2017, iaitu meningkat sebanyak RM22.09 juta (6.0%). Perbelanjaan UTeM bagi tahun 2018 adalah sebanyak RM371.73 juta berbanding dengan RM376.03 juta bagi tahun 2017, iaitu menurun sebanyak RM4.30 juta (0.1%).

Perbandingan pendapatan dan perbelanjaan UTeM adalah seperti jadual di bawah.

**PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN 2017 - 2018**




## KUMPULAN WANG MENGURUS


Pendapatan mengurus UTeM bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 berjumlah RM256.49 juta berbanding dengan RM239.98 juta bagi tahun 2017, iaitu meningkat sebanyak 6.9%. Daripada jumlah ini, RM235.73 juta atau 91.9% adalah pemberian Kerajaan dan bakinya RM20.76 juta (8.1%) adalah daripada sumber lain seperti yuran pengajian.

Perbelanjaan mengurus tahun 2018 berjumlah RM227.80 juta berbanding dengan RM236.98 juta bagi tahun 2017, iaitu menurun sebanyak 3.9%.

### PERBANDINGAN PENDAPATAN MENGURUS TAHUN 2017 DAN 2018



## PERBANDINGAN PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2017 DAN 2018




## KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN


Peruntukan pembangunan tahun 2018 UTeM daripada Kerajaan ialah sebanyak RM47.33 juta berbanding dengan RM44.16 juta dalam tahun 2017, iaitu meningkat sebanyak 7.2%.

Perbelanjaan pembangunan UTeM bagi tahun 2018 pula berjumlah RM39.67 juta berbanding dengan RM51.73 juta bagi tahun 2017, iaitu menurun sebanyak 23.3%.

## PERBANDINGAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017 DAN 2018



## PERBANDINGAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2017 DAN 2018




## KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN


Kumpulan Wang Penyelidikan UTeM terdiri daripada projek-projek penyelidikan yang mendapat pembiayaan daripada Kerajaan dan pihak swasta. Peruntukan penyelidikan daripada Kerajaan bagi tahun 2018 berjumlah RM8.69 juta berbanding dengan RM2.64 juta bagi tahun 2017, iaitu meningkat sebanyak 228.9%.

Perbelanjaan penyelidikan tahun 2018 berjumlah RM7.42 juta berbanding dengan RM9.75 juta bagi tahun 2017, iaitu menurun sebanyak 24.0%.

PERBANDINGAN PERUNTUKAN PENYELIDIKAH TAHUN 2017 DAN 2018



PERBANDINGAN PERBELANJAAN PENYELIDIKAH TAHUN 2017 DAN 2018



**LAPORAN RINGKASAN KEDUDUKAN KEWANGAN DAN PRESTASI TAHUN 2018**  
**(TELAH DIAUDIT)**

| <b>PERANGKAAN KEWANGAN YANG PENTING</b> |                                      | <b>2018<br/>(RM)</b> | <b>2017<br/>(RM)</b> | <b>PERBEZAAN<br/>(%)</b> |
|---|--------------------------------------|----------------------|----------------------|--------------------------|
| i.                                      | Pendapatan Mengurus                  |                      |                      |                          |
|   | - Pemberian Kerajaan                 | 229,136,000          | 207,223,000          | 10.6                     |
|   | - Sumber Dalaman                     | 20,757,178           | 25,039,578           | (17.1)                   |
|   | - Tambahan Geran                     | 6,599,600            | 7,718,500            | (14.5)                   |
|   |                                      | 256,492,778          | 239,981,078          | 6.9                      |
|   | Pendapatan Pembangunan               |                      |                      |                          |
|   | - Pemberian Kerajaan                 | 47,328,364           | 44,161,790           | 7.2                      |
| ii.                                     | Perbelanjaan                         |                      |                      |                          |
|   | a) Mengurus                          | (227,804,807)        | (236,978,712)        | (3.9)                    |
|   | b) Pembangunan                       | (39,670,387)         | (51,732,778)         | (23.3)                   |
|   |                                      | (267,475,194)        | (288,711,490)        | (7.4)                    |
| iii.                                    | Lebihan/(Kurangan)                   |                      |                      |                          |
|   | a) Mengurus                          | 28,687,971           | 3,002,366            | 855.5                    |
|   | b) Pembangunan                       | -                    | -                    | -                        |
|   |                                      | 28,687,971           | 3,002,366            | 855.5                    |
| iv.                                     | Lebihan Terkumpul                    |                      |                      |                          |
|   | a) Mengurus                          | 63,469,431           | 36,781,460           | 72.6                     |
|   | b) Pembangunan                       | -                    | -                    | -                        |
|   |                                      | 63,469,431           | 36,781,460           | 72.6                     |
| v.                                      | Aset Tetap                           | 587,572,136          | 605,050,672          | (2.9)                    |
| vi.                                     | Aset Semasa                          | 256,122,512          | 268,230,970          | (4.5)                    |
| vii.                                    | Tanggungan Semasa                    | 26,461,572           | 15,540,255           | 70.3                     |
| viii.                                   | Tanggungan Jangka Panjang            | 744,975,578          | 789,243,908          | (5.6)                    |
| ix.                                     | Aset Bersih                          | 817,233,076          | 857,741,387          | (4.7)                    |
| x.                                      | Modal Digunakan                      | 144,263,952          | 124,975,195          | 15.4                     |
| xi.                                     | Penglibatan Modal                    | 74,076,336           | 77,642,263           | (4.6)                    |
| xii.                                    | Rizab Tunai                          |                      |                      |                          |
|   | - Simpanan Tetap                     | 229,574,693          | 242,266,000          | (5.2)                    |
|   | - Wang di Tangan dan di Bank         | 13,587,787           | 11,237,004           | 20.9                     |
|   |                                      | 243,162,480          | 253,503,004          | (4.1)                    |
| xiii.                                   | Nisbah Kewangan                      |                      |                      |                          |
|   | a) Aset Semasa/Tanggungan Semasa     | 9.68 : 1             | 17.26 : 1            |                          |
|   | b) Aset Mudah Cair/Tanggungan Semasa | 9.19 : 1             | 16.31 : 1            |                          |
|   | c) Jumlah Hutang/Jumlah Aset         | 0.91 : 1             | 0.92 : 1             |                          |
|   | d) Modal Digunakan/Jumlah Tanggungan | 0.19 : 1             | 0.16 : 1             |                          |
|   | e) Modal Digunakan/Aset Tetap        | 0.25 : 1             | 0.21 : 1             |                          |



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 30.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30).

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksana berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Universiti Teknikal Malaysia Melaka bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaýsia Melaka dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## **Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 6 dalam penyata kewangan.

### **Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

  
**(ZIRAWATI BINTI KADIR)**  
b.p KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
14 JUN 2019



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, ACADEMICIAN TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN ALI, FASc. dan HAJI MOHD NAZRI BIN MD SHARIFF, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



ACADEMICIAN TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN ALI, FASc.  
Pengerusi Lembaga Pengarah



HAJI MOHD NAZRI BIN MD SHARIFF  
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : 14 FEB 2019  
Melaka

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG  
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, KHAIRUL BIN TAIB, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas, )  
KHAIRUL BIN TAIB, di negeri Melaka )  
pada 11 FEB 2019 )

  
.....  
KHAIRUL BIN TAIB  
NO. K/P : 630321-01-6027

Di hadapan saya,



**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
PADA 31 DISEMBER 2018**

| NOTA  | KUMPULAN |                      |                   | UNIVERSITI         |             |
|---|----------|----------------------|-------------------|--------------------|-------------|
|   | 2018     | 2017                 | Dinyatakan semula | 2018               | 2017        |
|   | RM       | RM                   |                   | RM                 | RM          |
| <b>ASET BUKAN SEMASA</b>                        |          |                      |                   |                    |             |
| Hartanah, Loji dan Peralatan                    | 3        | <b>595,560,334</b>   | 614,377,556       | <b>587,572,136</b> | 605,050,672 |
| Pembinaan Dalam Kemajuan                        | 4        | <b>54,043,744</b>    | 44,160,388        | <b>54,043,744</b>  | 44,160,388  |
| Aset Tak Ketara                                 | 5        | <b>2,636,643</b>     | 3,528,724         | <b>2,636,643</b>   | 3,528,724   |
| Pelaburan dalam Anak Syarikat                   | 6        | -                    | -                 | <b>500,000</b>     | 500,000     |
| Hartanah Pelaburan                              | 7        | <b>180,000,000</b>   | 180,000,000       | -                  | -           |
| Pelaburan Jangka Panjang                        | 8        | <b>5,037,845</b>     | -                 | <b>5,037,845</b>   | -           |
| Penghutang                                      | 9        | <b>9,788,222</b>     | 8,288,604         | <b>9,788,222</b>   | 8,288,604   |
| Jumlah Aset Bukan Semasa                        |          | <b>847,066,788</b>   | 850,355,272       | <b>659,578,590</b> | 661,528,388 |
| <b>ASET SEMASA</b>                              |          |                      |                   |                    |             |
| Penghutang                                      | 9        | <b>10,025,730</b>    | 13,180,807        | <b>3,740,293</b>   | 4,353,745   |
| Pendahuluan, Deposit dan Prabayar               | 10       | <b>9,464,565</b>     | 10,202,364        | <b>9,219,739</b>   | 10,374,221  |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai                      | 11       | <b>256,906,489</b>   | 261,020,556       | <b>243,162,480</b> | 253,503,004 |
| Jumlah Aset Semasa                              |          | <b>276,396,784</b>   | 284,403,727       | <b>256,122,512</b> | 268,230,970 |
| <b>JUMLAH ASET</b>                              |          | <b>1,123,463,572</b> | 1,134,758,999     | <b>915,701,102</b> | 929,759,358 |
| <b>MODAL DAN RIZAB</b>                          |          |                      |                   |                    |             |
| Kumpulan Wang Mengurus                          | 12       | <b>63,469,431</b>    | 36,781,460        | <b>63,469,431</b>  | 36,781,460  |
| Kumpulan Wang Pembangunan                       | 13       | -                    | -                 | -                  | -           |
| Kumpulan Wang Penyelidikan                      | 14       | <b>5,485,748</b>     | 6,668,815         | <b>5,485,748</b>   | 6,668,815   |
| Kumpulan Wang Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) | 15       | -                    | -                 | -                  | -           |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan                | 16       | <b>5,000,000</b>     | 5,000,000         | <b>5,000,000</b>   | 5,000,000   |
| Kumpulan Wang Pinjaman Komputer                 | 17       | <b>600,000</b>       | 600,000           | <b>600,000</b>     | 600,000     |
| Kumpulan Wang Pendapatan                        | 18       | <b>49,749,239</b>    | 63,535,493        | <b>49,749,239</b>  | 63,535,493  |
| Kumpulan Wang Amanah                            | 19       | <b>19,959,534</b>    | 12,389,427        | <b>19,959,534</b>  | 12,389,427  |
| Kumpulan Wang Peruntukan Khas                   | 20       | -                    | -                 | -                  | -           |
| Keuntungan Terkumpul Anak Syarikat              | 21       | <b>143,867,084</b>   | 133,447,059       | -                  | -           |
| <b>JUMLAH EKUITI</b>                            |          | <b>288,131,036</b>   | 258,422,254       | <b>144,263,952</b> | 124,975,195 |
| <b>LIABILITI BUKAN SEMASA</b>                   |          |                      |                   |                    |             |
| Manfaat Pekerja                                 | 22       | <b>8,391,274</b>     | 7,736,017         | <b>8,391,274</b>   | 7,736,017   |
| Pajakan Kewangan                                | 23       | <b>154,656,820</b>   | 160,184,842       | <b>154,656,820</b> | 160,184,842 |
